



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI HAMZAH BIN OTHMAN
TOKOH GURU KEBANGSAAN 2018**

OLEH:

**NURUL MAHIRAH BINTI ABDULLAH (2020989231)
NUR ALIA TASNIM BINTI MOHD NAWI (2020982881)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2021 – JULY 2021)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI HAMZAH BIN OTHMAN
TOKOH GURU KEBANGSAAN 2018**

OLEH:

**NURUL MAHIRAH BINTI ABDULLAH (2020989231)
NUR ALIA TASNIM BINTI MOHD NAWI (2020982881)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2021 – JULY 2021)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan KurniaNya, kami berjaya menyempurnakan tugas bagi subjek “Oral Documentation (IMR604)” iaitu Projek Sejarah Lisan. Dalam proses menyiapkan tugas ini, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum mahupun selepas sesi temu bual bersama tokoh. Namun begitu, kami berjaya mengatasi semua masalah tersebut dengan baik kerana ia merupakan salah satu pengalaman yang amat berharga buat kami sebagai seorang pelajar.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Abdullah kerana memberi ruang dan peluang untuk kami melangkah ke depan bagi menjayakan projek yang penuh bermakna ini. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami berjaya menyelesaikan projek ini dengan jayanya.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Hamzah Bin Othman kerana sudi meluangkan masa bersama kami dengan berkongsi perjalanan beliau semasa bergelar seorang pendidik sehingga berjaya dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2018. Kami yakin dan percaya, pengalaman beliau yang penuh onak duri dan kejayaan yang diperolehi mampu dijadikan inspirasi kepada masyarakat di luar sana.

Bukan itu sahaja, ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga kami yang banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral kepada kami bagi menjayakan tugas ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dengan berkongsi pendapat mengenai Projek Sejarah Lisan ini. Kami mengakui bahawa dua pihak ini memberikan kesan yang cukup besar kepada kami bagi menyiapkan tugas ini.

Akhirnya, kami sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini. Seseungguhnya, kami dengan tulus dan ikhlasnya menghargai semua pengorbanan yang telah diberikan sepanjang projek ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	1
ISI KANDUNGAN.....	3
ABSTRAK.....	5
BIODATA TOKOH.....	7
PENGENALAN.....	9
TRANSKRIP.....	11
BAHAGIAN A: PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG.....	14
BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN.....	16
BAHAGIAN C: SEJARAH PENGALAM KERJAYA.....	23
BAHAGIAN D: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN.....	34
BAHAGIAN E: SUMBANGAN	54
BAHAGIAN F: HARAPAN DAN NASIHAT.....	66
LAMPIRAN	71
LOG WAWANCARA.....	72
DIARI KAJIAN.....	85
SENARAI SOALAN.....	88
SENARAI GAMBAR.....	95
GAMBAR 1: GAMBAR TUAN HAJI HAMZAH OTHMAN	96
GAMBAR 2: SURAT PERJANJIAN.....	103
INDEKS.....	105

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip temubual ini dilakukan oleh pelajar UiTM Cawangan Kelantan iaitu Nurul Mahirah Binti Abdullah dan Nur Alia Tasnim Binti Mohd Nawawi bersama Tokoh Guru Kebangsaan 2018, iaitu Tuan Haji Hamzah Bin Othman. Tujuan transkrip ini adalah untuk mengetahui tentang sejarah diri beliau, juga anugerah dan sumbangan beliau selama berkhidmat sebagai seorang pendidik. Temubual ini telah dijalankan menggunakan platform Google Meeting. Tarikh temubual tersebut adalah pada 24 Jun 2021 bermula pada jam 9.20 pagi hingga 11.49 petang. Tuan Haji Hamzah Bin Othman telah berkhidmat selama 32 tahun sebagai guru mata pelajaran Sains sejak 1978 sehingga menamatkan perkhidmatan sebagai Guru Cemerlang Sains Gred Khas C. Pencapaian yang paling membanggakan beliau apabila menyandang anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2018 sempena Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan yang disampaikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di hadapan lebih 3,500 warga pendidik yang datang dari seluruh negara. Selain itu, beliau juga pernah menerima Anugerah Inovatif Kementerian Pendidikan pada 2001 di samping memenangi kategori Guru Inovatif Terengganu selama tujuh kali pada 1993, 1994, 1995, 1997, 1999 dan 2001 atas sumbangannya dalam memperkasakan mata pelajaran Sains termasuk penghasilan Kaedah Pecutan Kognitif Sains yang diguna pakai sehingga kini oleh pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Ujian Bertulis Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Sejarah kehidupan dan pencapaian beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang, terutamanya kepada generasi pendidik yang akan datang.*

Kata kunci: *Hamzah Othman, Guru Cemerlang Sains Gred Khas C, Tokoh Kebangsaan 2018*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama: Hamzah Bin Othman

Umur: 65 tahun

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir: Kuala Terengganu

Nombor Telefon:

Alamat: Kuala Terengganu

Kerjaya: Pesara Guru Cemerlang Sains Jusa C

Nama Isteri:

Nama Ayah:

Nama Ibu:

Pendidikan:

- Sekolah Rendah di Sekolah Kebangsaan Binjai, Kemaman (Darjah 1-6)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Chukai, Kemaman (Tingkatan 1-3)
- Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim di Jitra, Kedah (Tingkatan 4-5)
- Matrikulasi UKM Malaysia (Batch Pertama)
- Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGENALAN

PENGENALAN

Kami telah diberi tugas daripada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah untuk membuat kajian dan mencari tokoh tempatan dari Pantai Timur yang mempunyai sejarah tentang diri sendiri atau orang lain, peristiwa dan juga bangunan yang berkaitan dengannya sebagai tajuk untuk menyiapkan tugas ini. Oleh itu, tugas ini adalah wajib untuk kami laksanakan sebagaimana ia merupakan tugas bagi memenuhi skop projek untuk subjek Oral Documentation. Selain itu juga, tugas ini meliputi dari segi menemubual tokoh dan transkripkan segala percakapan di dalam bentuk bertulis atau dalam kata lain ialah sejarah lisan. Sepertimana yang diketahui, maksud sejarah lisan boleh diketengahkan satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Oleh hal yang demikian, untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat yang dicari, kami memilih Haji Hamzah Bin Othman sebagai tokoh yang ingin ditemubual untuk menjadikan tugas kami dapat disiapkan dan berjalan dengan lebih lancar. Beliau merupakan seorang Guru Cemerlang Sains Jusa C yang telah banyak menerima anugerah pencapaian dalam bidang pendidikan. Banyak sejarah tentang diri beliau yang dapat dijadikan inspirasi kepada golongan guru antaranya beliau telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan untuk mewakili Malaysia. Juga beberapa tahun yang lalu, beliau telah dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan 2018 di atas semua sumbangan dan pencapaian yang telah beliau sumbangkan. Oleh itu, pengalaman yang dimiliki oleh beliau membuatkan kami teruja untuk menemubual beliau seterusnya untuk membongkar rahsia disebalik kejayaan dan pencapaian beliau. Jadi, tugas sejarah lisan yang akan kami laksanakan ini mempunyai kepentingan yang berharga kerana sejarah kehidupan dan pencapaian beliau dapat dijadikan inspirasi kepada semua orang, terutamanya kepada generasi pendidik yang akan datang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman dan temubual ini mengisahkan tentang kehidupan, anugerah, dan sumbangan Tuan Haji Hamzah Bin Othman dimana beliau merupakan seorang pesara Guru Cemerlang Sains Jusa C dan juga Tokoh Guru Kebangsaan 2018. Rakaman dan temubual ini telah dijalankan menggunakan platform Google Meet pada 24 Jun 2021 pada jam 9:20 pagi sehingga 11:49 pagi. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Mahirah Binti Abdullah dan Nur Alia Tasnim Binti Mohd Nawi. Berikut adalah hasil rakaman dan temubual yang berjaya dilaksanakan.

Petunjuk:	
Tuan Haji Hamzah Bin Othman	HH
Nurul Mahirah Binti Abdullah	MH
Nur Alia Tasnim Binti Mohd Nawi	AA

BAHAGIAN PENGENALAN

AA: Okay, boleh kita mulakan sekarang Tuan?

HH: In shaa Allah (sambil menganggukkan kepala)

AA: Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

HH: Waalaikumussalam

AA: Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Tuan Haji Hamzah Bin Othman yang merupakan seorang Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2018 dan juga Guru Cemerlang Sains Gred Khas C. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Jun 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 9 pagi menggunakan platform Google Meeting. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Mahirah Binti Abdullah dan Nur Alia Tasnim Binti Mohd Nawawi. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

HH: In shaa Allah (sambil menganggukkan kepala)

AA dan MH: (senyum sambil menganggukkan kepala)

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

AA: Untuk bahagian A dimana soalan pertama yang saya akan ajukan kepada Tuan adalah berkaitan latar belakang Tuan. Jadi bolehkah Tuan memperkenalkan diri Tuan?

HH: Okay, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

AA: Waalaikumussalam.

HH: Saya Hamzah Bin Othman... dilahirkan pada dua puluh tiga [23] haribulan... tujuh [7] sembilan belas lima puluh enam [1956] dan sekarang berusia enam puluh lima [65] tahun... dan saya sekarang ni [ini] tinggal di Kampung Tok Hakim Padang Midin Kuala Terengganu. Jadi saya adalah pesara guru (sambil menganggukkan kepala) okay.

AA: Okay. Soalan kedua bolehkah Tuan menceritakan tentang ibu bapa dan adik beradik Tuan?

HH: Ibu saya bernama Fatimah Binti Salleh, ayah saya Othman Bin Saman. Ayah saya sebagai penoreh getah dan mak saya bekerja sebagai suri rumah dan juga membuat kuih-kuih tradisional dan juga bidan kampung (senyum sambil menganggukkan kepala).

AA dan MH: (senyum sambil menganggukkan kepala)

HH: Saya mempunyai enam [6] orang adik beradik, tiga [3] lelaki dan tiga [3] perempuan dan saya adalah anak sulung daripada enam [6] orang adik beradik.

AA: Okay (senyum sambil menganggukkan kepala), Okay, untuk soalan yang ketiga bolehkah Tuan menceritakan tentang isteri dan anak-anak Tuan?

HH: Isteri saya bernama Hasmah Binti Muhamad, sekarang berusia enam puluh tiga [63] tahun, beliau ialah pesara kerani sekolah dan... sekarang ni [ini] sebagai suri rumah penuh lah sepenuh masa (sambil tersenyum).

AA dan MH: (senyum sambil menganggukkan kepala)

HH: ...Dan... anak-anak cikgu daripada enam [6] orang itu tiga [3] lelaki tiga [3] perempuan dan yang perempuan semuanya bekerja sebagai guru mewarisi kerjaya ayah (sambil tersenyum).

AA dan MH: (senyum sambil menganggukkan kepala)

HH: Dan yang lelaki semua jurusan... engineering [kejuruteraan] lah engineering [kejuruteraan] (senyum sambil menganggukkan kepala).

AA dan MH: (senyum sambil menganggukkan kepala)

AA: Okay, terima kasih Tuan.

HH: Ya (sambil menganggukkan kepala).

MH: Tuan, dimana tempat lahir Tuan?

HH: Saya dilahirkan di... Kampung Titian Baru, Kuala Terengganu.

MH: Dan Tuan merupakan anak nombor berapa?

HH: Saya anak yang pertama daripada 6 orang adik beradik.

MH: Okay, baiklah.

HH: Anak sulung lah.

MH: Okay.

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

- MH: Baiklah, seterusnya saya akan bertanyakan bahagian B tentang sejarah Pendidikan Tuan. Boleh Tuan ceritakan tentang Pendidikan kanak-kanak Tuan?
- HH: Saya bermula persekolahan Sekolah Rendah di Sekolah Kebangsaan Binjai Kemaman pada tahun *sembilan belas enam puluh tiga* [1963] hingga *sembilan belas enam puluh lapan* [1968] daripada darjah *satu* [1] sampai darjah *enam* [6]. Kemudian melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Chukai Kemaman daripada tahun *sembilan belas enam puluh sembilan* [1969] sehingga *sembilan belas tujuh puluh satu* [1971] sampai tingkatan *satu* [1] hingga *tiga* [3]. Oleh kerana keputusan peperiksaan S-R-P masa itu S-R-P ya Sijil Rendah Pelajaran agak cemerlang dengan mendapat *dua belas* [12] *agregat* [jumlah] *haa* [ya] dulu pakai sistem *agregat* [jumlah] jadi saya telah terpilih melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim di Jitra, Kedah pada tingkatan *empat* [4] dan *lima* [5] pada tahun *sembilan belas tujuh puluh dua* [1972] hingga *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973]. Kemudian – begitulah peringkat sekolah menengah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah.
- MH: Boleh kami tahu subjek kegemaran Tuan semasa di sekolah?
- HH: (Ketawa) Dulu... dulu masa sekolah rendah subjek Sains dikenali sebagai Ilmu Kejadian, itu nama-nama lama lah. Jadi sebagai seorang yang – kanak-kanak memang kita sangat berminat dengan ilmu-ilmu Sains dan juga ilmu Matematik lah. Dulu panggil Ilmu Hisab, tak panggil ilmu Matematik (ketawa). Itulah sejarah. Dan samalah kita budak-budak kampung kan memang banyak terdedah dengan ilmu Sains lah secara semula jadi.
- MH: Kalau tak keberatan, boleh kami tahu pencapaian bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tuan?
- HH: (Ketawa) Sijil Pelajaran... S-P-M... jadi saya masa dulu dia tak pakai sistem *agregat* [jumlah] juga. Jadi saya mendapat – *enam* [6] *agregat* [jumlah] *ni* [ini] maksudnya *enam* [6] subjek yang terbaik. Dikira dulu lah sistem dulu. Dulu dia pakai --- jadi oleh kerana sistem *agregat* [jumlah] ni *enam* yang terbaik jadi saya InsyaAllah [dengan izin Allah] lah *Alhamdulillah* [syukur] mendapat

keputusan yang antara yang terbaik di Malaysia dan oleh kerana dulu sistem pemilihannya tak macam sekarang jadi *Alhamdulillah* [syukur] kami telah terpilih antara *seratus lima puluh* [150] orang yang – *seratus lima puluh* [150] orang terbaik pelajar Malaysia dan terpilih sebagai *batch* [kumpulan] pertama Matrikulasi Malaysia.

MH: *Alhamdulillah* [syukur]. Bagaimana penglibatan kelab atau persatuan Tuan semasa sekolah menengah?

HH: (Ketawa) Oleh kerana majoriti pelajar di sekolah asrama penuh ni pelajar-pelajar cemerlang dan saya antara kumpulan yang sederhana jadi di peringkat sekolah saya tidak begitu menonjol *eh* [ya]... tidak begitu menonjol kerana dimonopoli oleh mereka-mereka yang lagi... lagi *power* [hebat] lah daripada saya. Saya ni kalau dikira --- S-B-P ni *eh* [ya] ada ranking [kedudukan], saya pelajar keempat dipanggil kelas *empat* [4] ...*eh lima* [5] sains *empat* [4] dari segi rankingnya [kedudukannya] kalau Sains *empat* [4] ni dikira ranking [kedudukan] keempat lah daripada terbaik S-B-P.

MH: Okay. Keempat, boleh Tuan ceritakan semasa Tuan berada di Universiti?

HH: Saya merupakan *batch* [kumpulan] pertama Matrikulasi Malaysia. Masa itu hanyalah *seratus lima puluh* [150] orang yang dipilih antara pelajar terbaik Malaysia iaitu Matrikulasi U-K-M *eh* [ya] U-K-M pada tahun *sembilan belas tujuh puluh – tiga dan tujuh puluh empat* [1973 dan 74]. Jadi di universiti, saya masuk melalui Matrikulasi U-K-M jadi terus sebagai anak angkat U-K-M lah. Jadi masuk Universiti melalui Sijil Matrikulasi *eh* [ya] bukannya melalui Sijil S-T-P. Not expected lah, kita melalui *fast-track* [jalan pantas] satu [1] tahun saja tapi boleh masuk Universiti pada usia sembilan belas [19] tahun, *sorry* [maaf] *lapan belas* [18] tahun lebih lah sembilan belas [19] tahun. Antara yang terawal *eh* [ya], tak pecah rekod Malaysia lah pada ketika ini. Di Universiti sebenarnya *takdelah* [tidak adalah] saya terlalu menonjol kerana baru *eh* [ya]. Di Universiti *takdelah* [tidak adalah] terlalu banyak perkara yang kita boleh menonjol macam mana sekarang, yang mana sekarang ni banyak benda...banyak benda lah berbanding dengan dahulu sistemnya biasalah, tak macam sekarang lah kalau kita banding.

- MH: Apa jurusan yang diambil Tuan?
- HH: Saya *major* [jurusan] saya dalam Biologi dan *minor* [elektif] saya dalam Kimia dan Biologi ni pulak pengkhususan saya adalah dalam bidang Genetik *eh* [ya] genetik sebab masa *tu* [itu] bidang Genetik adalah satu bidang yang baru dekat Malaysia.
- MH: Apakah yang mendorong Tuan untuk menyambung pelajaran peringkat Universiti?
- HH: Memang lah semua pelajar tak kira siapa ingin meneruskan pembelajaran sampai ke peringkat yang tertinggi lah. Itu semua naluri pelajar. Jadi kita sebagai orang kampung dan masa tu memang orang kampung saya tu Binjai Kemaman *ni* [ini] *takde* [tiada] lagi pelajar yang boleh melanjutkan pelajaran ke Universiti. Dulu nak masuk Universiti ni memang sukar kerana Universiti sangat terhad jadi ia telah mendorong supaya menjadi satu contoh model kepada anak kampung kita untuk terus maju dalam pelajaran.
- MH: Okay. Mengapakah Tuan memilih jurusan Biologi dan Kimia tersebut?
- HH: Sebab Biologi *ni* [ini] satu bidang yang sangat dekat dengan kemanusiaan. Satu bidang yang sangat dekat dengan kemanusiaan dan ia sangat *applicable* [dapat digunakan] maknanya kita boleh guna ilmu itu dalam kehidupan seharian kita. Saya tak kata subjek lain *tu* [itu] tak berguna tapi kita sebagai pelajar masa *tu* [itu] pendedahan pada bidang akademik *ni* [ini] agak terhad jadi kita melihat satu benda yang dekat dengan kita *saja* [sahaja]. Pada masa itu kita ada *explosure* [pendedahan] pendedahan ilmu dalam bidang-bidang yang lain jadi sebab *tu* [itu] kita memilih Biologi *ni* [ini] sebab kita lebih dekat walaupun benda *tu* [itu] tak semudah yang kita nampak.
- MH: Bagaimana keputusan akademik yang diperolehi Tuan semasa di Universiti?
- HH: Walaupun saya daripada kalangan pelajar terpilih di Malaysia tapi *haa* [ya] ini satu benda sebagai... *mendape* [benda apa] saya nak kata sebagai contoh lah... universiti saya tidak ... tidak begitu cemerlang. Saya tak tahu kenapa. Jadi saya

hanya berjaya mendapat Ijazah AM sahaja. Tanpa kepujian. Ini satu benda yang *special* [bermakna] (ketawa) yang *special* [bermakna] saya nak kongsi kepada pelajar-pelajar. Saya memang pelajar cemerlang Malaysia. *Seratus lima puluh* [150] pelajar cemerlang Malaysia. Ini bukan benda main-main. Saya bukan nak puji diri tapi kenapa saya tak cemerlang di Universiti. Saya hanya lulus Ijazah AM sahaja. *Takde* [tidak ada] kepujian sebab *tu* [itu] saya ... saya kata saya tapi kawan-kawan saya lulus dengan Kepujian. Masa dulu tidak ada Kepujian secara automatik *eh* [ya] kalau kita tak *perform* [prestasi] setiap tahun dia *takkan* [tak akan] bagi kita melanjutkan pelajaran peringkat Kepujian. Tak macam sekarang... sekarang *ni* [ini] terus daftar dengan Kepujian. Dulu kalau kita tak perform, tidak dapat skor... kita akan keluar ataupun ditendang sebelum sampai habis.

MH: Bagaimana penglibatan Tuan dalam sukan, uniform, dan kelab semasa di Universiti? Adakah Tuan aktif di Universiti?

HH: Di Universiti saya tak sangat aktif *haa* [ya] saya tak sangat aktif sebab masa dahulu kokurikulum ini tidak begitu ditonjolkan peringkat Universiti. Kurang *eh* [ya] kurang berbanding dengan sekarang. Kurang.

MH: Jadi, apakah kenangan yang tidak boleh dilupakan Tuan semasa di Universiti?

HH: Oleh kerana saya mengambil bidang Biologi jadi banyak kursus kita *ni* [ini] buat di luar jadi kita banyak buat *field trip* [lawatan] masuk hutan, pergi ke pantai jadi – masuk perkuburan orang asli, masuk hutan jadi itulah kenangan-kenangan yang semasa kita terpaksa berhadapan dengan risiko, kita kan budak-budak rasa takut *haa* [ya] jadi itulah kenangan-kenangan yang seronok sebenarnya.

MH: Jadi, ada tak Tuan ada mengikuti mana-mana kursus-kursus professional sepanjang di Universiti?

- HH: Peringkat Universiti tak banyak ditawarkan kursus-kursus professional. Hanya mungkin kita sempat menghadiri macam seminar ataupun *kolokium* [persidangan] yang disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan Antarabangsa lah. Itu kita hadir hanya sebagai peserta biasa *saja* [sahaja].
- MH: Seterusnya, boleh Tuan ceritakan suasana dan pengalaman pembelajaran di Universiti pada masa itu?
- HH: Pada masa itu pembelajaran sebenarnya sangat tradisional. Minta maaf saya cakap *ni* [ini] sangat tradisional. Sama macam peringkat sekolah lah kira (ketawa). Masih menggunakan *chalk and talk* [kapur dan bercakap], menggunakan O-H-P, O-H-P ya *Overhead Projector* [projector overhed], *takde* [tiada] lah macam sekarang *ni* [ini] pakai powerpoint, L-C-D *takde* [tiada] *takde* [tiada] *eh* [ya]. Hanya *chalk and talk* [kapur dan bercakap], *very traditional* [sangat tradisional]. Sangat biasalah. Sangat biasa.
- MH: Jadi banyak perbezaan kaedah pengajaran dan pembelajaran semasa di Universiti dulu?
- HH: Ya, memang sangat jauh berbeza lah. Sangat-sangat jauh berbeza. Jadi adik-adik semua sangat bernasib baik kerana sistem pembelajaran sangat... sekarang sangat maju. Berbanding kami dahulu sangat tradisional lah.
- MH: Pensyarah yang paling digemari ketika di Universiti dan mengapa Tuan memilih beliau sebagai pensyarah yang paling digemari?
- HH: Masa itu U-K-M masih baru dibuka. Masih... kami masih di kampus lama iaitu di Lembah Pantai. Bukan di Bangi macam sekarang. Masih di Lembah Pantai. Sebelah apa tu Universiti Malaya *eh* [ya]. Jadi --- pada masa *tu* [itu] pensyarah semuanya muda-muda. Sangat muda *eh* [ya]. Muda banding kita ni hanya beza usia lebih kurang lima tahun macam *tu* [itu] lah. Memang muda memang sangat muda. Tak ramai yang tua-tua lah sebab Universiti baru kan. Oleh kerana *dia* [pensyarah] ni muda-muda lagi jadi kita sangat rapat dengan mereka *ni* [ini] jadi

kebanyakan *lecturer* [pensyarah] sangat rapat dengan saya... terutama lah... terutama *lecturer-lecturer* [pensyarah-pensyarah] dalam bidang Genetik lah. Jadi antara *lecturer* [pensyarah] Genetik yang paling saya kagumi ialah yang sekarang ni [ini] iaitu Professor Tan Sri Zakri Abdul Hamid iaitu sekarang ni [ini] Beliau sebagai Penasihat Sains kepada Perdana Menteri. Dan juga beliau sekarang *ni* [ini] sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada – Ahli Lembaga Pengarah Penasihat Sains pada Bank Pembangunan Islam Dunia. Jadi *trylah* [cubalah] Google cari dalam *tu* [itu] Professor Tan Sri Zakri Abdul Hamid. Beliau sangat...seorang sangat... akademik dan sangat professional. Terima kasih atas tunjuk ajar beliau kepada saya lah.

AA: Okay Tuan. Boleh saya tahu kemudahan... ada tak kemudahan seperti kantin, kafe, makmal, perpustakaan pada masa zaman Tuan belajar dulu?

HH: Dari segi kantin kita boleh anggap macam *ni* [ini] lah macam kantin Sekolah Menengah lah. Takde [tiada] kafe takde [tiada] apa dan kita *ni* [ini] kebanyakan pelajar --- saya ingat lagi lah kita biasanya orang-orang Melayu pada masa *tu* [itu] daripada keluarga miskin. Kebanyakan daripada keluarga miskin. Jadi kami biasanya makan ala kadar dan kami biasa guna istilah *brunch* [makan di antara waktu sarapan dan makan tengahari]. Tak pernah dengarkan *brunch* [makan di antara waktu sarapan dan makan tengahari] iaitu *breakfast plus lunch* [sarapan dan makan tengahari]. Pada masa itu kami cukup – memang pada masa itu kami keluarga miskin. Miskin. Majoriti...majoriti *eh* [ya] majoriti miskin. Jadi istilah *brunch* [makan di antara waktu sarapan dan makan tengahari] istilah yang sangat popular dan *breakfast* [sarapan] dan *lunch* [makan tengahari] biasanya pada pukul sebelas [11]. Pagi tu berlapar dulu. Sangat berkira. Kita sangat berkira dari segi kewangan. Itulah benda yang sampai sekarang saya masih pegang istilah kami anak orang miskin. Sampai sekarang saya masih berjimat walaupun anak kita anak orang kaya tapi kita – tapi saya --- anak-anak saya anak orang kaya tapi saya sampai sekarang saya pegang istilah saya anak orang miskin.

MH: Macam mana dengan kemudahan perpustakaan semasa di universiti?

HH: Perpustakaan – saya rasa perpustakaan di universiti agak okay [baik] lah. Okay [baik] (ketawa) dan oleh kerana kita ni [ini] pelajar... kita panggil sebagai pelajar jalanan (ketawa) kalau kami keluar pagi pukul enam setengah [6:30 a.m.] balik pukul sepuluh [10] malam sebab saya mengambil Diploma Pendidikan juga serentak dengan Ijazah. Sekarang ini lain eh [ya]...lain. Sekarang ini lain. Kita dibenarkan untuk mengambil Ijazah Bersama dengan Diploma Pendidikan dan semua kuliah Pendidikan ada sampai malam. Jadi sebab itu kami, golongan kami ini yang golongan guru, golongan pelajar yang mengambil Diploma Pendidikan biasa kita panggil pelajar jalanan. Keluar pagi balik malam. Dan kami akan lepak kat [dekat] mana-mana terutama di dalam perpustakaan. Di perpustakaan ada bilik, saya tak tahu lah sekarang ini ada tak lagi bilik, dipanggil sebagai bilik – bilik personal [individu] bilik individu untuk buat research [kajian] saya tak tahu sekarang ini ada ke tidak. Saya pun dah tak ingat nama bilik apa itu. Kita kena booking [sewa] macam hotel dah lah. (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Kerana bilik ini kita dah [sudah] tahu ini bilik siapa terutama kita yang tahun tiga eh [ya] kita buat kursus jadi dibenarkan untuk duduk dalam bilik itu dengan buku-buku rujukan. Lebih pada hotel gitu [macam itu] lah kita nak relaks [berehat] dalam itu. Haa itulah kenangan manis saya sebagai pelajar jalanan. Dan biasanya juga masjid kalau dekat sebelah Universiti Malaya itu Masjid Abdul Rahman sebagai tempat penginapan kita sepanjang hari. Kenangan yang tak dapat dilupakan sebagai pelajar jalanan.

AA: (ketawa) Okay, macam cikgu bagitahu tadi cikgu ambik [ambil] jurusan Biologi dan Kimia kan, ada tak kemudahan seperti makmal?

HH: Macam biasa, takde [tiada] masalah dari segi makmal memang disediakan. Kami orang Sains, makmal memang satu tempat yang mesti dan biasanya bahagian makmal ini sebelah petang lah eh [ya]. Daripada pukul dua hingga pukul enam macam itulah. Pagi lecture [kuliah], petang makmal, malam Diploma Pendidikan.

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA

- AA: Okay selepas itu kita beralih kepada bahagian C. Saya akan bertanya mengenai pengalaman kerjaya Tuan sepanjang Tuan menjadi seorang pendidik.
- HH: Okay (sambil menganggukkan kepala)
- AA: Okay soalan yang pertama (senyum sambil menganggukkan kepala). Bolehkah Tuan ceritakan sejarah kerjaya awal Tuan setelah Tuan tamat pengajian di Universiti?
- HH: Saya memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Menengah Tun Telanai, Marang Terengganu.
- AA: Okay (sambil menganggukkan kepala)
- HH: Pada tahun sembilan belas tujuh puluh lapan [1978] hingga sembilan belas lapan puluh tiga [1983]... dan menjawat sebagai Guru Penolong D2, D2 ni [ini] sekarang ni [ini] takda [tidak ada] dah (sambil menggelengkan kepala) jawatan itu, kemudian di sekolah yang sama Tun Telanai sebagai Pegawai Pendidikan D1 sembilan belas lapan puluh tiga [1983] hingga sembilan belas sembilan puluh dua [1992], kemudian... berpindah ke Sekolah Menengah Sultan Mansor, Kuala Terengganu pada tahun sembilan belas sembilan puluh dua [1992] hingga sembilan belas sembilan puluh empat [1994] sebagai Penolong Kanan 1 ye [ya] Penolong Kanan 1, kemudian alhamdulillah saya dinaikkan pangkat sebagai Guru Cemerlang Sains di sekolah yang sama Sultan Mansor pada tahun sembilan belas Sembilan puluh lima [1995] hingga dua ribu empat [2004] kemudian terus dinaikkan pangkat sebagai guru DG54 pada tahun dua ribu lima [2005] hingga dua ribu lapan [2008] dan di Sultan Mansor juga sekolah yang sama dinaikkan pangkat sebagai Guru Gred Khas C dua ribu sembilan [2009] hingga dua ribu sepuluh [2010] (sambil menganggukkan kepala). Jadi saya hanya bertugas di dua buah sekolah sahaja (sambil menganggukkan kepala).
- AA: Dua buah sekolah (sambil menganggukkan kepala), boleh saya tahu mengapa Tuan memilih untuk bekerja di sekolah yang pertama tu [itu], sekolah...
- HH: Tun Telanai (sambil tersenyum)
- MH: Tun Telanai

- AA: Ha [iya], Tun Telanai. Maaf Tuan.
- HH: Kita sebagai penjawat awam kita reda lah kemana saja yang kita ni (sambil ketawa) bertugas kan, jadi saya tidak memilih sebenarnya hanya diarahkan bertugas di Tun Telanai dan alhamdulillah Tun Telanai tu [itu] tak [tidak] jauh lah daripada kampung kelahiran saya iaitu di Pekan Titian Baru Kedai Buluh, Kuala Terengganu.
- AA: Okay, kalau tak [tidak] keberatan boleh tak saya tahu bagaimana galakan dan dorongan keluarga atau rakan-rakan Tuan berkenaan dengan pekerjaan yang Tuan pilih?
- HH: Sebenarnya... kerjaya memilih sebagai kerjaya sebagai guru ni [ini]... sebab kita masa dahulu tidak didedahkan dengan kerjaya yang banyak sebenarnya, jadi kita anak orang kampung ni [ini] (sambil ketawa) jadi kita nampak cikgu lah takda [tidak ada] lah nampak benda lain kan.
- AA: Haah [iya] (mengangguk tanda mengiyakan)
- HH: Jadi kita pun memilih lah guru dan bila masuk universiti kami menerima dua tiga tawaran biasiswa iaitu JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] dan juga perguruan, jadi saya, cara mudahnya memilih biasiswa daripada Kementerian Pendidikan, itulah sejarahnya (sambil ketawa) tetapi walaupun saya... peringkat awalnya apabila saya graduan daripada bidang genetik dan masa tu [itu] tak [tidak] ramai ya memilih genetik, saya ingat lebih kurang lima [5] orang sahaja maka Yang Berbahagia... Professor apa nama ni [ya] Doktor... maksudnya Doktor ya Doktor Zakri sekarang ni [ini] Tan Sri lah ya [iya] telah memberi tawaran kepada saya untuk membuat further study [sambung belajar] ke Jerman dalam bidang genetik dan tawaran itu telah diterima dimana Kementerian dah keluarkan surat arahan untuk menghantar saya ke Jerman dalam bidang genetik tapi oleh kerana saya telah menandatangani biasiswa perguruan maka pihak Kementerian Pendidikan tidak melepas saya untuk membuat jurusan genetik maka saya pun kekallah sebagai guru (sambil tersenyum).
- AA: Ooo okay (senyum sambil menganggukkan kepala). Okay soalan yang kedua bolehkah Tuan ceritakan pengalaman kerjaya Tuan sebagai seorang pendidik?

HH: Saya... melalui pengalaman yang sangat sangat manis sebab saya menjadi guru dengan penuh jiwa saya, saya... memang mungkin dilahirkan sebagai guru born as a teacher [dilahirkan sebagai guru]

AA dan MH: (menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Saya tidak kata orang lain tidak ya tetapi saya telah melalui satu proses yang sangat seronok sebenarnya, jadi... apa ni [ini]... dalam bidang pendidikan oleh kerana ramai guru-guru daripada sekolah rendah dan juga universiti telah ditunjuk kepada saya bagaimana menjadi guru-guru pengajian yang baik maka itu mendorong saya untuk menjadi guru yang terbaik.

AA dan MH: (menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Walaupun saya keluar dengan ijazah am sahaja... kalau saya cerita secara umum dalam tempoh perkhidmatan saya selama tiga puluh dua [32] tahun lapan [8] bulan dan pencen pada usia lima puluh empat [54] tahun, ramai yang bertanya saya... soalan, yang pertama kawan-kawan saya, majoriti kawan-kawan saya semuanya cemerlang, majoriti mereka memegang jawatan-jawatan penting di universiti, bergelar professor kalau dekat universiti UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] majoriti... dekan-dekan universiti kawan-kawan saya, Kementerian Kesihatan, Doktor-Doktor Pakar, Ketua Pengarah Pendidikan, Ketua Pengarah Kesihatan, semua kawan-kawan saya batch [kumpulan] saya sebab dikira batch [kumpulan] pertama pelajar terbaik Malaysia, tanya bahagian pentadbiran geologi, Pengarah-Pengarah Geologi Malaysia semua, kawan-kawan saya, Pengarah Hospital Kuala Terengganu kawan saya dan ramai kawan tanya saya sebab Jusa C ni [ini]... dia sama dengan professor penuh full professor [professor penuh].

AA dan MH: (menganggukkan kepala)

HH: Kawan-kawan saya universiti Professor Madya, dia tanya saya Hamzah bila you [awak] ni [ini] bijak, sebab diorang [mereka] universiti tak [tidak] sampai tahap Jusa C (sambil menggelengkan kepala), Jusa C ni [ini] sama dengan... Pengarah Kesihatan Negeri sama dengan universiti professor penuh full professor [professor penuh] bukan Professor Madya saya hanya pemegang ijazah am sahaja kenapa layak mendapat full professor [professor penuh] saya tidak

dilantik tidak ditulis sahaja... jadi nak bagitahu perlantikan ini bukan kerana ijazah tetapi professional, professional.

AA: Betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

MH: (menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Jadi apa yang saya nak nasihat kepada kita ni [ini], mesti jadi orang yang professional, menjiwai sepenuhnya kerjaya kita.

AA: Betul Tuan (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Sebab ijazah yang kita pegang itu tidak menjamin kecemerlangan kita

MH: Betul, betul Tuan (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Kalau kita buat kerja dengan penuh perasaan pada hati kita, kita sebenarnya professional, bukan sebesar mana sebanyak mana ijazah yang kita ada itu pengetahuan sahaja, pengetahuan tak [tidak] sama dengan praktis, orang menilai praktis bukan menilai ilmu, ilmu takda [tidak ada] praktis takda [tidak ada] nilai satu apa pun (sambil menggelengkan kepala).

MH dan AA: Betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Dengar betul betul saya kata, ramai, biasa kita dengar, biasa kita dengar pelajar ijazah pemegang pelajar terbaik bekerja dengan majikan yang tidak ada kelulusan (sambil menggelengkan kepala).

AA: Haah [ya] betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Ha [iya] ini pernah, waktu saya bagitahu pada pelajar saya, kamu takpa [tidak mengapa] tak [tidak] cerdik (sambil menggelengkan kepala) kamu takpa [tidak mengapa] tak [tidak] cerdik (sambil menggelengkan kepala) tapi kamu mesti jadi manusia... saya tak [tidak] kata ini jangan kata tak [tidak] cerdik tapi kita dilahirkan dengan kebijaksanaan yang tak [tidak] sama (sambil menggelengkan kepala) jadi saya bagitahu kepada kawan-kawan saya kalau dia tanya bila kamu ni [ini] cerdik dapat full professor [professor penuh] tanpa buat PHD saya kata professional membezakan kita berilmu dengan praktis.

AA: Betul Tuan (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Okay, jadi sepanjang kerjaya saya ni [ini] terlalu banyaklah saya nak kongsi kejayaan-kejayaan, kemenangan-kemenangan, anugerah-anugerah yang saya terima dan kalau pakat gi [pergi] Terengganu tu [itu] anugerah inovasi ni [ini] takda [tidak ada] orang lainlah (sambil ketawa) saya pegang lebih daripada 10 tahun.

AA dan MH: (ketawa)

HH: Haa [iya] tiap-tiap hari, hari guru tu [itu] takda [tidak ada] orang lain naik pentas (sambil ketawa).

AA dan MH: (ketawa)

HH: Kemudian pemegang... pemenang Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan ini yang paling tinggi sebab kita bersaing dengan bukan guru-guru bukan sekolah-sekolah anugerah ini kita bersaing dengan IPG [Institut Pendidikan Guru], Politeknik yang semua universiti-universiti yang mengajar pelajar perguruan tetapi kita peringkat sekolah menang dua [2] tahun berturut-turut Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia anugerah tertinggi inovasi dalam Kementerian Pendidikan, yang satu anugerah yang sangat tinggi, yang saya rasa kalau bagitahu pemenang tu [itu] bererti satu benda yang outstanding [cemerlang] lah.

AA: Haah [iya] (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Adalah satu benda yang ha [iya] okay (ketawa sambil menganggukkan kepala)

AA: Okay, boleh saya tahu apakah subjek pelajaran yang diajar oleh cikgu semasa di sekolah?

HH: Saya ngajar yang pertama biologi lah biologi, kemudian yang kedua sains untuk pelajar sastera subjek sains untuk pelajar aliran sains biologi lah.

AA: Okay, boleh saya tahu mengapa Tuan memilih untuk mengajar mata pelajaran dalam bidang sains?

HH: Sebab pada saya sains ini satu benda yang... mesti diketahui oleh semua manusia lah tak [tidak] kira siapa sebab dia berkait dengan kehidupan.

AA: Betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

- HH: Kita tak [tidak] kata sains ini terlalu berat, sebenarnya hidup kita setiap hari ni [ini] adalah sains tidak lari daripada sains (sambil menggelengkan kepala)
- AA: Haah betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)
- HH: Daripada bangun tidur sampai tidur balik, tengok atas sains, tengok depan sains, yang nampak besar pun sains, yang tak nampak pun sains.
- AA: Betul betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)
- HH: Itulah sains sebenarnya... kita semua mesti belajar tak [tidak] kiralah kita ni [ini] siapa.
- AA: Betul Tuan (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan). Okay soalan seterusnya apakah prinsip yang dipegang oleh Tuan sebagai bergelar seorang pendidik?
- HH: Prinsip mudah je [sahaja], tak [tidak] kira siapa pendidik (sambil ketawa), apa maksud pendidik? nak jadikan orang itu lebih baik daripada sebelum, itu sahaja, tak [tidak] kira siapa, mendidik nak jadikan orang itu lebih berilmu, lebih berakhlak, lebih baik, secara umumnya lebih baik daripada sebelum itu dan berkongsi dan bila kita dah ada ilmu tu [itu] saling mengajar ataupun memberi contoh antara satu sama lain supaya semuanya menjadi baik itu saja mendidik maksudnya menjadi lebih baik itu saja [sahaja] tak [tidak] kira apa.
- AA: Betul Tuan (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)
- MH: Betul betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)
- HH: Ya.
- AA: Okay (sambil tersenyum). Okay bagaimanakah rakan-rakan sekerja Tuan semasa Tuan bekerja?
- HH: Oh saya alhamdulillah lah mempunyai rakan sekerja yang sangat baik (sambil menganggukkan kepala), kami memang membentuk satu team [pasukan], jikalau di Sekolah Menengah Sultan Mansor kalian satu team dijadikan dipanggil sebagai team [pasukan]... team [pasukan] apa ni [ini]... team [pasukan]... pecutan kognitif, ni [ini] yang kita panggil, saya sebenarnya membangunkan satu program bermula daripada Sultan Mansor kita namakan

'Program Pecutan Kognitif' ataupun daripada istilahnya cognitive acceleration [pecutan kognitif] idea ni [ini] timbul daripada apabila saya dihantar berkursus di apa ni [ini] di... King College of education, London dan juga ke York University, UK [United Kingdom] jadi saya sempatlah bertemu dengan pengasas 'Cognitive Acceleration' [Pecutan Kognitif] iaitu Professor Philip Adey di College University of... London, jadi disitulah teretusnya idea membawa program pecutan kognitif tapi dalam versi kitalah bukan saya copy [salin] idea dia tapi kita ambil idea pecutan kognitif ini, jadi kalau saya nak cerita sikit apa maksud pecutan kognitif, ini yang saya nak cerita ni (sambil ketawa)

AA dan MH: (ketawa sambil menganggukkan kepala)

HH: Kognitif maksudnya... minda atau ilmu yang aktif ataupun minda yang digunakan bukan otak ya otak tu [itu] semua orang ada, jadi kognitif maksudnya the thoughtful mind [fikiran yang berfikir] fikiran yang berfikir, kemudian pecutan, pecut bahasa inggeris kata accelerate [memecut] acceleration [pecutan] bukan speed [keantasan] ini kena faham, laju speed [keantasan] accelerate [memecut] pecutan.

AA: Pecutan (sambil menganggukkan kepala)

HH: Pecut maksudnya pertambahan halaju dari segi fizik ni [ini] ya, kita orang sains ni [ini] kita ambil istilah fizik (sambil ketawa) istilah fizik ya, pecut maksudnya pertambahan halaju jadi sebagai manusia, ini konsep islam pecut maksudnya bertambah, jadi bila kita kata bertambah mesti day by day [hari demi hari] setiap hari mesti ada pertambahan, jadi sebab tu [itu] dia sesuai dengan hadis nabi kalau tak silap saya "hari ini lebih baik daripada semalam" maksudnya mesti ada penambahan kognitif, jadi sebab tu [itu] saya ambil istilahnya pecutan kognitif maksudnya setiap pelajar mesti ada penambahan ilmu, penambahan kebaikan walaupun penambahan itu tak sama dengan orang, mungkin orang tu [itu] pertambahannya setiap hari hanya nilai satu saja [sahaja] sebab dia pelajar yang sederhana tapi kalau pelajar tu [itu] cemerlang pertambahannya mesti lebih banyak mungkin harini plus [tambah] 10, tapi yang pentingnya setiap hari mesti ada pertambahan dan itu konsep pecutan kognitif makna kita punya penilaian, kita punya ilmu, kita punya kebijaksanaan mesti bertambah setiap

hari tak [tidak] kira (sambil menggelengkan kepala) sebanyak mana bertambah tapi mesti ada pertambahan.

AA: Betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

MH: Betul betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Okay (menganggukkan kepala sambil tersenyum)

AA: Okay (sambil tersenyum) soalan seterusnya, apakah cabaran yang dihadapi oleh Tuan sepanjang Tuan berkerja sebagai seorang guru?

HH: Saya tak menghadapi banyak cabaran hanya cabaran tentang karenah pelajar itu biasa, kita tak [tidak] boleh kata karenah pelajar sebagai satu masalah sebab itulah sebenarnya pelajar, kita jangan kata sekarang ni [ini] pelajar tu [itu] bermasalah, kita dulu pun macam tu juga that's why [sebab itu] setiap kali saya masuk ke kelas saya menilai yang depan saya tu [itu] adalah saya sebenarnya, saya dulu pun bukannya lah orang kata pelajar yang... sebenarnya takda [tidak ada] masalah kan tapi karenah pelajar ni [ini] biasalah.

AA: Haah (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Jadi kita kena layan karenah pelajar itu sebagai seorang pelajar dan kita kena jelas peranan kita sebagai mendidik, kalau pelajar tu [itu] dah okay dah baik tidak ada masalah apa-apa tak [tidak] perlu kita sebenarnya, jadi tugas kita sebenarnya guru ni [ini] nak mengatasi masalah pelajar tulah [itulah] sebab tu [itu] pelajar tu [itu] ada masalah, jadi kalau kita layan masalah pelajar tu [itu] beerti kita dah lupa bahawa tugas kita adalah menyelesaikan masalah pelajar, jadi kita kena enjoy [menikmati] (sambil ketawa) ambil masalah dia sebagai itu adalah tugas kita sebenarnya, jadi sebab itu bila kita... faham bahawa tugas kita menyelesaikan masalah dia, jadi tiada masalah lah, jadi kita boleh enjoy [menikmati] masalah dia sebagai itu ialah tugas kita sebenarnya... jangan anggap (sambil menggelengkan kepala) itu sebagai satu masalah.

AA: Haah (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Orang yang tension [ketegangan] dengan masalah pelajar ni [ini] dia lupa bahawa tugas dia itu adalah memang tugas dia sebenarnya menyelesaikan masalah pelajar (sambil ketawa) okay.

- AA: Okay, boleh saya tahu bilakah tarikh Tuan bersara?
- HH: Ini tarikh yang (ketawa) ramai yang tanya (ketawa) mengapa saya bersara awal sedangkan saya masih okay tiada masalah, saya pencen pada tiga puluh satu [31] haribulan sepuluh [10] tahun dua ribu sepuluh [2010] iaitu enam [6] tahun lebih awal daripada tarikh sepatutnya saya pencen sebab saya telah menandatangani borang pencen pada usia enam puluh [60] tahun, jadi ramai tanya Cikgu Hamzah kenapa pencen awal sedangkan orang lain mencari jawatan Jusa C ni [ini] mencari sebab ini saya hanya... saya batch [kumpulan] pertama Jusa C Malaysia daripada puluhan ribu guru kami hanyalah tiga belas [13] orang sahaja yang layak mendapat Jusa C batch [kumpulan] pertama dan satu benda yang special [istimewa] dan masa itu ramai yang bertanya mengapa pencen awal sedangkan kami masa itu... minta maaf lah sebut sikit dari segi gaji ya (sambil ketawa).
- AA: Takpa [tidak mengapa] Tuan (sambil tersenyum)
- HH: Gaji ataupun elaun lebih kurang empat belas [14] ribu, tapi kami, saya tinggal gaji sebanyak itu, ramai tanya mengapa saya pencen awal tak sayang ke dengan gaji yang mahal sebab prinsip saya hidup ini satu perjalanan Jusa C bukannya saya cari (sambil menggelengkan kepala) tapi dianugerahkan saya terima tapi bukan itu yang kita cari sebenarnya, kita mencari satu hidup yang kita suka sebenarnya.
- MH: Okay okay (sambil menganggukkan kepala)
- AA: Okay terima kasih Tuan.
- HH: Ya [iya].
- MH: Boleh kami tahu kenangan manis Tuan semasa mengajar di Sekolah Tun Telanai dan Sekolah Sultan Mansor?
- HH: Di Tun Telanai saya sebenarnya secara umumnya saya banyak terlibat dengan... apa ni [ini]... akademik tu [itu] biasa lah kan akademik, akademik biasa tapi dari segi kokurikulum, dulu terlalu banyak pertandingan ya pertandingan sains yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan juga Kementerian Pendidikan jadi saya antara paling banyak

lah saya rasa membawa pelajar mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan, kalau kita kira kejayaan kalau di Tun Telanai masa tu [itu] pameran sains anjuran ESSO ye ESSO, ESSO syarikat minyak ni [ini] boleh dikatakan setiap tahun pemenang pertama tu [itu] memanglah dimenangi oleh Sekolah Tun Telanai lah macam kontrak lah (sambil ketawa), kemudian di Sultan Mansor pun sama juga Sultan Mansor ya pun sama memang kita membawa pelajar ke pertandingan yang macam-macam tapi yang paling manis antara yang manis ialah membawa pelajar dalam pertandingan cabaran BP syarikat minyak ya petroleum dan kami mendapat tempat kedua peringkat kebangsaan dan ini satu kenangan yang sangat manis sebenarnya sebab disiarkan oleh TV1 setiap petang rabu, jadi memang glamorlah Sultan Mansor masa tu [itu] (sambil ketawa) dan... dan juga saya telah membawa pelajar dalam pertandingan puisi sains walaupun kita ni [ini] orang sains kita pun mampu membuat puisi-puisi jadi kita telah mewakili Negeri Terengganu sebanyak tiga [3] tahun mewakili Negeri Terengganu Pertandingan Puisi Sains anjuran UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] walaupun tak [tidak] dapat tempat lah tapi walaupun tak [tidak] dapat tempat tapi satu pengalaman yang sangat manis jadi bolehlah nak kongsi puisi-puisi ini... dengan... pelajar-pelajar lah kita buat buku antalogi untuk puisi sains dan juga... saya juga ada buat skrip drama (sambil ketawa) kita ni [ini] walaupun orang sains tapi juga berjiwa... berjiwa sastera lah sebab kita sebenarnya orang yang minta maaf cakap lah kan, kita mesti jadi orang yang aktif otak kiri dan kanan.

AA dan MH: Betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Sebab sains ni [ini] biasanya kita nampak benda yang serius tapi sastera benda yang sebenarnya bukan benda yang lemah sebenarnya sebab tu [itu] kalau kita tengok ulama'-ulama' dahulu mereka dua-dua cemerlang ugama dan juga falsafah, jadi saya telah membuat skrip drama yang mungkin sepuluh [10] skrip dan telah berjumpa dengan penerbit mungkin adik-adik tak kenal Puan Habsah Hassan orang lama dan beliau telah setuju dengan skrip itu dan telah kita telah dapat penaja telah dapat pengarah iaitu pengarah mungkin pengarah lama ya Puan Normah Nordin boleh google pengarah yang hebat, tapi oleh kerana saya ni [ini] sibuk dilantik sebagai penolong pengarah jadi kita ni [ini] cikgu kan

(sambil ketawa) jadi maka itu tinggal kenangan lah tergendala, Puan Habsah Hassan pun sekarang ni [ini] dah uzur dah tua-tua semua ni [ini] tapi satu kenangan ya kita satu kenangan kita dapat macam-macam benda, ni [ini] drama sains ya bukan drama percintaan (sambil ketawa)

AA dan MH: (ketawa)

HH: Tengoklah ada kalau nak mari datang rumah saya, ada lagi skrip itu, jadi baca, satu benda yang sangat seronok sebenarnya.

AA: Betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

MH: Betul-betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

BAHAGIAN D: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

- MH: Seterusnya, saya akan bertanyakan bahagian D iaitu tentang anugerah dan pencapaian Tuan. Boleh Tuan ceritakan tentang Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang Tuan dapat?
- HH: Anugerah Inovasi ya?
- MH: Ya. (mengangguk)
- HH: Anugerah Inovasi bukan Tokoh Guru *eh* [ya]?
- MH: Bukan. Yang Kementerian Pendidikan Malaysia.
- HH: Okay okay. Jadi sebagaimana saya telah bagitahu tadi. Saya bermula dengan anugerah --- saya ambil dulu anugerah peringkat Daerah ya. Jadi dulu ada kita panggil sebagai setiap hari guru ada dinamakan sebagai Anugerah... Inovatif... Guru Inovatif... Guru Inovatif Daerah, Negeri dan Kebangsaan dipanggil Anugerah Guru Inovatif, setiap hari guru. Jadi setiap hari guru *ni* [ini] saya antara nama yang tidak pernah ketinggalan, peringkat Daerah memang *conquer* [menakluki] habis lah, peringkat Negeri Terengganu daripada tahun... bukan *hattrick* [berturut-turut] dah ni, *double* [dua kali ganda] *hattrick* [berturut-turut] la, *triple* [tiga kali ganda] *hattrick* [berturut-turut] (ketawa)
- AA & MH: (ketawa)
- HH: dan jadi nanti boleh la tengok saya punya medal-medal *tu* [itu] banyak *eh* [ya]. Jadi, kemudian yang paling tinggi lah peringkat Kebangsaan iaitu Anugerah Inovatif Kementerian Pendidikan tahun *dua ribu satu* [2001] dan tahun *dua ribu dua* [2002]. Yang paling tertinggi lah. Jadi, sebenarnya anugerah ini adalah satu... apa *ni* [ini] rekod Malaysia *eh* [ya] ataupun satu pengiktirafan kepada program 'Pecutan Kognitif' lah. Semua yang pemenang anugerah ini adalah bahan-bahan ataupun penulisan ataupun modul-modul yang ada dalam program 'Pecutan Kognitif'. Semuanya 'Pecutan Kognitif'. Sebab *tu* [itu] saya *compile* [menyusun] ataupun saya jadikan program ini sebagai satu program yang sangat besar dan sampai sekarang selepas saya pencen --- saya sebenarnya program 'Pecutan Kognitif' ini sebenarnya *dah* [sudah] buat hampir *dua puluh* [20] tahun. Dalam masa saya berkhidmat pun, saya setiap hujung minggu, bila saya keluar daripada rumah saya, Khamis malam ke mana-mana yang dipanggil. Jadi saya buat program ini hari Jumaat dan Sabtu. Haa kemudian bila saya dah

pencen, saya buat *full-time* [sepanjang masa] program ‘Pecutan Kognitif’, kita ronda satu Malaysia. Itu cerita yang lebih detail kemudian lah.

AA & MH: Okay Tuan.

MH: Tuan, Tuan masih ingat ke siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut?

HH: Kalau program apa *ni*... apa *ni*

MH: Bagi Anugerah Inovatif (serentak)

HH: Bagi Anugerah Inovatif biasanya dianugerahkan oleh Pengarah Pendidikan lah. Pengarah Pendidikan dan kalau peringkat Kebangsaan macam Anugerah Inovatif dihadiah dianugerah diberi oleh Pengarah Menteri Pendidikan sendiri masa itu... apa ni Dato’ Seri Hishammuddin Hussein masa *tu* [itu] lah. Masa itu beliau sebagai Menteri Pendidikan Pelajaran.

MH: Bagaimana kriteria bagi menerima anugerah tersebut?

HH: Ini bukan tokoh guru eh? Inovatif?

MH: Ya, yang Anugerah Inovatif.

HH: Okay – memang saya cakap betul lah. Setiap kali saya masuk pertandingan Inovatif *ni* [ini] sebab idea yang saya bawa program ‘Pecutan Kognitif’ *ni* [ini] adalah idea yang baru, *genuine* [tulen], tulen *eh* [ya], tidak ada *copyright* [hak cipta] daripada mana-mana, jadi majoriti hakim... mintak maaf *eh* [ya] saya bagitahu *ni* [ini] (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Memang bila saya tunjuk apa Inovatif yang saya bawa *ni* [ini]. Saya tak tunggu hari pengumuman sebenarnya. Bila saya bentang saja lepas kurang setengah jam, biasanya dia bagi setengah jam la masa *tu* [itu] *on the spot* [di tempat kejadian] hakim kata “you are the winner [awak adalah pemenang]. Tahniah” jadi saya sebab tu kalau keluarga saya, sekolah ke, bila saya masuk pertandingan sebelum bertanding dah dia cakap “tahniah” dan saya tak kata saya riak tapi memang kita membawa satu idea yang baru... haa yang baru lah. Hakim boleh bagi *result* [keputusan] masa lepas *interview* [temubual] *je* [sahaja] bila dah tunjuk *very genuine* [sangat tulen], apa *ni*... sangat tulen, haa dia kata “*very impressive* [sangat mengagumkan], *very applicable* [sangat boleh digunapakai]” walaupun sebenarnya pelajar saya bukan pelajar cemerlang, pelajar Sekolah Menengah Sultan Mansor, pelajar biasa, saya tunjuk result, result saya tak selari dengan usaha saya sebenarnya. Ini satu benda yang orang

sentiasa *question* [tanya] dekat saya “Hamzah, kalau you [awak] betul-betul *terer* [hebat] kenapa result tak bagus?” saya kata saya *terer* [hebat], anak murid saya tak *terer* [hebat] tu dua cerita yang berbeza. (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Jadi saya ada – ada cara tapi pelajar saya tak boleh nak --- tahap *diaorang* [mereka] lemah kan, yang cemerlang tu cemerlang la nanti marah pulak, orang kata pulak (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Kita ada cara tapi belum tentu pelajar kita boleh cemerlang jadi sebab saya kata tadi kita kena jelas, jangan kecewa dengan anak murid kita yang tak cemerlang, kita ibaratnya sebagai petani boleh bawa air kepada lembu, lembu tak nak minum nak buat macam mana tapi mesti bawa air tu [itu], jangan sebab tak minum kita tak bagi air, biar dia mati kerana tak minum bukan mati kerana kita tak bawak [bawa] air. Biar jelas apa kita, siapa kita dan siapa anak murid kita.

MH: Kalau Tuan tak keberatan boleh Tuan bagitahu apa hadiah yang diperolehi Tuan bagi Anugerah Inovatif Kementerian Pendidikan?

HH: Kalau masa dahulu Anugerah Inovatif ni [ini] tak besar la berbanding dengan Tokoh Guru (ketawa) sebab kita masuk --- sebab masa dahulu saya tak ingat la banyak mana tapi lebih kurang seribu [1000] dua ribu [2000] macam tu [itu] lah. Hadiahnya tak banyak hanya yang pentingnya pengiktirafan.

MH: Kedua, boleh Tuan ceritakan tentang Anugerah Kategori Guru Inovatif peringkat Negeri Terengganu yang dimenangi oleh Tuan selama tujuh kali tersebut?

HH: Sebagaimana yang saya bagitahu tadi. Sebenarnya ramai yang tanya saya bila saya bermula dengan membuat bahan-bahan kreatif ni nak cerita sikit lah. Bila saya bermula sebenarnya, saya sebenarnya sebelum ini biasa-biasa saja. Takde [tiada] la cemerlang sangat tapi oleh kerana saya banyak menang anugerah ni [ini] maka saya lah yang menonjol antara kalangan guru pada masa itu, kita bukannya *terer* [hebat] sangat tapi oleh kerana kita menang anugerah-anugerah, pertandingan-pertandingan peringkat negeri ni [ini] jadi kita lah yang ditonjol, jadi masa itu kurikulum K-B-S-M, Kurikulum Baru Sekolah Menengah diperkenalkan, kurikulum baru, jadi saya lah yang dihantar oleh Jabatan

Pendidikan Terengganu sebagai kakitangan sumber untuk menerima sebarang perubahan daripada Kementerian dan bawa maklumat itu kepada Negeri Terengganu dan disebarkan kepada guru-guru lah, kami biasa satu subjek jadi pergi tu enam orang lah mewakili enam daerah. Jadi bila kami balik kami akan buat ceramah di peringkat daerah pada guru-guru lah kemudian tercetus kepada ‘Pecutan Kognitif’ ni [ini] saya minta maaf lah kalau ada guru-guru lain yang dengar, nak luah ni [ini] (ketawa).

AA: (ketawa) Takpa [tidak mengapa] Tuan.

HH: Takpa [tidak mengapa] eh? Jap kita kena cerita ni [ini] orang pencen.

AA: (ketawa) Boleh Tuan.

HH: Ada guru-guru, guru kita mungkin dia kawan-kawan kita sebenarnya, bila kita menerangkan idea yang diarahkan oleh Kementerian kepada guru-guru. Kita cerita lah apa yang kita --- macam cerita balik lah, cerita balik apa yang Kementerian bagitahu, ada kawan kita tanya “Hamzah, *you* [awak] cerita ni [ini] *you* [awak] buat ke tidak?” kita masa tu [itu] muda, masa tu umur 30-an. Sebagai orang muda walaupun kawan kita, dia mungkin bergurau tapi bila kita buat kursus, dia bukan benda yang bergurau, benda *serious* [serius]. Kawan kita kata “Hamzah, *you* [awak] cerita ni *you* [awak] buat ke tidak? Saya bagitahu dekat Hamzah sebelum *you* [awak] cerita ni *you* [awak] kena buat dahulu, beritahu kepada kami berkesan ke tidak. Baru cerita, kalau tidak tak payah cerita.” Pada saya sebagai orang muda ini satu benda yang sangat aib macam saya kena peluru – sebab saya hanya membawa apa yang Kementerian suruh sampaikan. Ini benda baru memang tak pernah buat lagi. Tak pernah buat. Jadi, mulai haritu -- - kalau masa tu [itu] tahu la kan bila kita ni *emotional* [emosi], kita ni [ini] orang muda, balik muka merah, berpeluh, tak tidur malam. “Mengapa aku sebagai penyampai diaibkan di dalam majlis?”. Ini maruah, ini maruah. Jadi mulai haritu saya pun mula menterjemah setiap idea dalam bentuk praktis dalam kelas. Setiap contoh lah, contoh, pedagogi, contoh, apa nak kata ni, apa benda ni, lupa dah [sudah] ni [ini], takpelah. Saya buat contoh, contoh saya *test* [ujian] dalam kelas, saya panggil Nazir [Nazir Sekolah di Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia], Nazir [Nazir Sekolah di Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia], orang macam takut kat Nazir [Nazir Sekolah di Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia], saya panggil Nazir [Nazir Sekolah di Jemaah Nazir dan

Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia] untuk menilai apa saya buat ni [ini] betul ke tidak, dan bila saya buat, Nazir [Nazir Sekolah di Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia] kata “okay la tu”. Saya bawa ni [ini], idea saya ni [ini] pergi ke Kementerian iaitu Pusat Perkembangan Kurikulum, tunjuk dekat Pegawai yang beritahu kali pertama kepada saya, saya tanya “Tuan, betul tak Tuan nak benda macam ni [ini]? Tuan cakap, saya dah kena tembak dah ni [ini], tapi Tuan tak nak tunjuk satu contoh yang apa yang maksud idea ni [ini].” Dia kata “hok ni [yang ini], betul la ni [ini].” (ketawa) Itu gunanya. Haa jadi bila saya tunjuk macam tu [itu] untuk program seterusnya, untuk sesi-sesi berikutnya, Kementerian... P-P-D apa ni [ini] Pusat P-P-D panggil saya, tak semena-mena saya pulak yang dipanggil sebagai penceramah pulak, menunjukkan contoh-contoh yang telah diterjemah daripada juri kepada praktikal. Masa tu sebenarnya saya dah mula terkenal peringkat Kebangsaan, haa daripada dah [sudah] kena tembak kepada dah [sudah] jadi penceramah yang sama dengan (ketawa) dengan apa ni [ini], penceramah – pegawai lah. Dan masa itulah bila saya --- saya pun dah [sudah] syok [seronok] lah. Lagi banyak saya buat bahan-bahan, lagi banyak saya buat bahan-bahan, dan bahan saya sebagai rujukan utama kepada Kementerian dan masa itulah nama saya dah [sudah] jadi macam terkenal lah, dipanggil kesana-sini untuk menerangkan kaedah-kaedah yang telah saya --- itulah sebenarnya permulaan ‘Pecutan Kognitif’.

MH: Okay. Untuk hadiah yang diperolehi bagi Anugerah Kategori Guru Inovatif bagi Peringkat Negeri Terengganu, apakah?

HH: Dulu saya tahu lah bagi peringkat Inovatif ni [ini] harga tak banyak, seribu [1000], tu pun jadilah. Yang banyaknya Anugerah Tokoh Kebangsaan baru banyak (ketawa).

AA & MH: (Ketawa)

MH: Bagaimana persaingan untuk mendapatkan anugerah tersebut?

HH: (ketawa) Kalau peringkat Negeri sebenarnya persaingan tak hebat sebab tak ramai yang masuk, kita ni [ini] sebenarnya --- mintak maaf cakap eh [ya].

AA: Boleh Tuan.

HH: Sangat takut untuk menun...menunjuk, menunjuk, takut dikata menunjuk-nunjuk. Saya ulang balik. Kita ni sangat takut nak menunjuk apa yang kita ada, takut dituduh menunjuk sebab kita silap faham menunjuk ni [ini] maksudnya riak. Salah. Saya ingat lagi Pengarah Terengganu masa itu, saya sebenarnya ucap terima kasih la banyak Pengarah-Pengarah terutama Dato' Rahim, arwah dah, Dato' Rahim masa itu... apa benda ni [ini], Dato' Rahim sebagai orang *engineer* [jurutera], *engineer* [jurutera] kepada bangkitnya Pendidikan Negeri Terengganu. Terengganu sebenarnya menonjol sampai sekarang momentum daripada gerakan Dato' Rahim. Tanya lah Pegawai-Pegawai Pendidikan, kalau tanya siapa orang pertama yang menyebabkan Terengganu cemerlang sampai hari ini dia akan sebut Dato' Rahim. Ini yang kita nak sebenarnya belajar dunia banyak mana kalau kita kira wallahualam [dan Allah Maha Tahu], dari segi Allah nilai macam mana kepada saya, banyak mana jasa beliau sebagai orang yang telah memberi inisiatif sebagai orang pertama yang *spike* [lonjakan], *spike* [lonjakan] kecemerlangan Terengganu sampai sekarang. Ini bukan benda... satu benda main-main. Dia kata apa "Hamzah, *you must show what you have* [awak mesti tunjuk apa yang awak ada]". Kena tunjuk kalau tidak tak tahu. Bukan niat nak menunjuk tapi kena tunjuk supaya orang tahu. Haa tu kena ingat. Bukan kita nak menunjuk tapi nak tunjuk apa yang kita tahu supaya apa yang kita ada tu dapat diproceed [diteruskan].

MH: Okay. Ketiga, boleh Tuan ceritakan tentang Tokoh Guru Terengganu 2017 yang dimenangi oleh Tuan?

HH: Okay. Ini cerita tentang tokoh guru eh?

MH: Ya, guru Terengganu.

HH: Tokoh guru la kan? Keseluruhan?

MH: Okay.

HH: Keseluruhan. Okay kita ambik daripada peringkat --- dia takleh ambik terus negeri, saya menang (ketawa) jadi kita menang anugerah tokoh guru peringkat P-P-D Kuala Terengganu dan Kuala Nerus pada tahun dua ribu enam belas [2016]. Enam belas [16] eh [ya]. Kemudian menang pulak tokoh guru Negeri Terengganu pada dua ribu tujuh belas [2017]. Jadi tentang --- tadi saya lupa eh [ya]. Tentang persaingan... persaingan peringkat negeri lah, peringkat daerah lah. Sebenarnya kita macam tadi lah, ramai sebenarnya kita berbakat tapi kita

tidak menonjol, tidak menonjol eh, tidak menonjol kan bakat kita, jadi bila tak tonjol tak banyak persaingan lah. Saya ni sebab dikenali, saya bukan nak menonjol tapi dikenali sebab bila dikenali automatik kita duduk ranking [peringkat] pertama lah. Haa... kemudian peringkat Negeri Terengganu dua ribu tujuh belas [2017], ini persaingan tu biasalah sebab setiap daerah akan menghantar wakil Tokoh peringkat daerah kan, haa... tapi tu bergantung kepada Pengarah yang memilih lah. Rezeki semuanya kalau ada rezeki. Rezeki lah, rezeki keluarga kita lah.

MH: Siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut, Tuan?

HH: Menteri besar Terengganu lah. Masa tu kalau dua ribu dua belas [2012] iaitu Dato'... Razif eh [ya] Dato' Razif.

MH: Okay. Apakah hadiah yang diperolehi bagi Tokoh Guru Terengganu dua ribu tujuh belas [2017] ---

HH: Iaitu duit wang tunai enam ribu ringgit [RM6000], kemudian plak, medal, tafsir Quran, sijil, sepersalinan baju dan yang specialnya [istimewanya] kali pertama diberi juga, ni [ini] Menteri besar bagi on-the-spot [di tempat kejadian] ni [ini], dia takde [tiada] plan awal iaitu mendapat apa ni [ini] dua tiket untuk mengerjakan umrah saya dan isteri. Jadi itu rezeki lah sebenarnya. Kira anugerah khusus daripada Menteri Besar.

MH: Tahun bila Tuan pergi umrah melalui tiket yang diberikan?

HH: Tahun dua ribu tujuh belas [2017].

MH: Oh, tahun tu. Okay.

HH: Dan ketika itu, bulan dua belas [12] lah, bulan dua belas [12].

MH: Okay. Keempat, boleh Tuan ceritakan tentang Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2018?

HH: (ketawa) yang ni [ini] kemuncak lah.

AA & MH: (ketawa)

HH: Ni [ini] kemuncak. Kemuncak kerjaya saya lah. Ini tahu la kan, Anugerah Tokoh Guru ni [ini] maksudnya satu anugerah tertinggi bagi kami guru. Jadi, nak... saya hanya nak... jadi boleh google eh kalau tengok dalam youtube haa macam mana anugerah tu. Nanti cikgu hantar. Pertandingan ini memang... persaingannya sangat la sebab ni [ini] kita berlawan dengan semua Tokoh-Tokoh guru negeri-negeri seluruh Malaysia eh [ya]. Jadi semua negeri hantar tokoh masing-masing dan mengikut... mengikut penilai iaitu bahagian nazir ya

Kementerian, dia cerita kat saya nak nilai bukan mudah ya, satu benda yang sangat payah sebab semuanya hebat-hebat daripada negeri-negeri, haa jadi dia bagitahu --- kebetulan haritu...bukan kebetulan sebenarnya. Mintak maaf (ketawa)

AA & MH: (ketawa kecil)

HH: jadi saya dalam borang... haa ni [ini] satu lagi cara nak... cara kita masuk pertandingan eh. Borang yang kita hantar tu mesti lengkap, lengkap dan menarik. Dan mudah orang nak baca. Haa ni --- jadi dia kata antara yang hantar tu, saya yang paling lengkap.

AA & MH: (Mengangguk)

HH: Paling lengkap. Lengkap. Memang kita hantar tu lengkap. Lengkap. Dan menarik. Menarik maksudnya senang orang nak baca. Jadi kita sebagai orang yang membuat program pecutan kognitif ini. Ataupun sangat kreatif ini. Ada satu cara macam mana nak orang cepat tengok, cepat je boleh nilai borang kita jadi dia kata tengok pada borang, tengok pada presentation borang tu dah jatuh hati. Tengok kali pertama tu dah jatuh cinta. (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: tengok borang je. Haa kemudian dia pun buat penilaian maka tinggal lagi empat orang yang masuk, macam kira short-listed [senarai pendek] lah. Haa ni [ini] cerita eh cerita. Sebab yang...yang apa ni [ini] ... empat ini kebanyakan semua mereka-mereka ni macam pengarah kan, saya sorang je cikgu. Haa sebab nak menang ni [ini] bukan mudah kita bersanding, kita bersaing dengan pengarah pelajaran, *boss-boss* kan, saya cikgu... cikgu biasa. Jadi nak nilai empat orang ni [ini] kata wah masa ni bukan mudah. Dan kebetulan penilai tu dia buat mesyuarat dengan guru-guru seluruh Malaysia (ketawa) haa kuala lumpur.

MH: (ketawa kecil)

HH: Orang kata ni [ini] peluang nak tanya ni [ini].

AA: (ketawa kecil)

HH: Peluang...peluang. Peluang nak tanya nak buat penilaian kan. Nak tanya sibuk. Dia pun tanya "siapa kenal cikgu hamzah?" (ketawa) masa tu seluruh Malaysia ya. Seluruh Malaysia. "siapa kenal cikgu hamzah?" Wah, kalau tak silap saya dia kata (ketawa) lapan puluh peratus [80%] angkat tangan, kenal.

AA & MH: Oh (mengangguk)

HH: Dia tanya “kenal macam mana?” wah, pastu orang cakap la, orang ni [ini] gini [macam ini], orang ni [ini] gini [macam ini], sebab saya dah buat program seluruh Malaysia eh [ya]. Saya dah buat seluruh Malaysia. Cerita lah negeri mana, cerok [tempat] mana (ketawa) saya dah buat. Saya dah buat masa tu lebih kurang lima belas tahun [15] tahun ronda satu Malaysia. Kalau buku... kalau buku-buku nota... buku nota tu majoriti mesti orang guna sebab kenal. Siapa tak kenal. Pengetua-pengetua semua kenal saya, satu S-B-P semua-semua. Oh, dia kata “kalau macam ni [ini] tak payah nilai lah. Dah kalau lapan puluh peratus [80%] seluruh Malaysia kenal mesti the best [terbaik].” Masa tu dekat Port Dickson saya pun menang. Jadi sebenarnya (ketawa) kita buat ini bukan kerana anugerah, kita buat kerana inilah passion [minat] kita sebenarnya. Sebenarnya kita buat daripada hati kita. Bukannya kata kita nak cari anugerah, kalau kita cari prestasi saya takkan lepas peringkat enam tahun lebih awal. Tapi oleh kerana inilah niat kita sebenarnya untuk mengembangkan ilmu, menyampaikan ilmu jadi kita buat lah.

MH: Jadi, kriteria untuk menerima anugerah tersebut tu melalui tokoh-tokoh wakil negeri?

HH: Ya ya.

MH: Oh okay. Siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut?

HH: masa tu (ketawa) 2018 ini masa tu lebih kurang seminggu selepas pilihan raya PRU 14. Masa tu kelam kabut semua. Menteri tak ada (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Itu satu kenangan yang pelik. Kita tengah kelam kabut dan juga politik. Jadi sampaikan kepada saya adalah setiausaha, ketua setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Seri saya lupa nama eh. Boleh rujuk eh. Di P-I-C-C iaitu tempat yang sangat glamour [terkenal] lah. Tempat yang paling meriah. P-I-C-C Putrajaya.

MH: Jadi, apakah hadiah yang diperolehi bagi Tokoh Guru Kebangsaan 2018 tersebut?

HH: Haa... hadiahnya lumayan lah peringkat kebangsaan kan. (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Haa...jadi kita dapat wang tunai sebanyak tiga puluh lima ribu ringgit [RM30,000] haa sangat lumayan ya.

AA & MH: (ketawa)

HH: Dan juga (ketawa) anugerah-anugerah iringan lah.

MH: Kelima, boleh Tuan ceritakan --- (serentak)

HH: Dan masa tu --- (serentak)

MH: Okay.

HH: Jadi, oleh kerana ini anugerah yang tertinggi eh saya masa tu pergi sangat seronok. Seronok sebab semua keluarga saya pergi. Anak-anak bekerja semua ambil cuti, mereka meraikan kejayaan. Boleh la tengok dalam gambar eh.

AA & MH: Boleh Tuan.

HH: Dalam video. Satu kenangan keluarga yang sangat manis dan oleh kerana anak-anak saya perempuan tiga orang semuanya cikgu, menantu dua orang pun guru jadi saya... apa ni [ini] ... memberi satu benchmark [penanda] yang tinggi supaya anak-anak saya kalau tak sampai pun, dekat-dekat la, kalau sampai lagi bagus. (ketawa) mencontohi eh [ya].

MH: Okay. Kelima, boleh Tuan ceritakan tentang pencapaian Tuan dilantik dan dinobatkan Guru Cemerlang Sains Gred Khas C?

HH: Okay. Itulah saya bagitahu eh [ya]. Saya telah... banyak sebenarnya saya keluarkan buku-buku, buku-buku Pecutan Kognitif. Saya nak tanya Nurul dengan... Alia tak pernah guna buku cikgu ke?

HH: Dekat guru? Tak pernah guna eh [ya]?

AA: Tak ingat cikgu.

HH: Tahun bila buku penerbitan cikgu? (ketawa kecil)

HH: Memang kita daripada lama dah.

MH: Haa... oh.

HH: Kalau ikut nombor memang --- tapi mungkin, --- dulu aliran sains ke sastera?

AA: Kalau alia, akaun.

MH: Ekonomi.

HH: Akaun, dulu sekolah mana dulu?

AA: Alia ---

HH: Sekolah mana?

AA: Maahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu.

HH: Ya? Maahad Muhammadi?

AA: Perempuan, Kota Bharu.

HH: Perempuan? Haa... yang perempuan cikgu tak pergi, cikgu pergi Muhammad Lelaki... Maahad Lelaki cikgu pergi (ketawa). Kalau tanya guru-guru Kota Bharu tu majoriti guna, kenal la kalau tanya cikgu hamzah memang kenal.

AA & MH: Ah... (mengangguk)

HH: majoriti. Sekarang pun. Okay. Nurul?

MH: Saya sekolah ---

HH: Durian Guling?

MH: Haah [ya] (mengangguk), Durian Guling. Cikgu pernah datang (ketawa).

HH: Apa ni [ini] ... kelas sastera ke?

MH: Haah [ya], saya sastera.

HH: Akaun jugak?

MH: Ekonomi. Sastera,

HH: Cikgu apa? Cikgu Fatimah?

MH: Haah [ya] (mengangguk), cikgu Fatimah.

HH: Ngajar Sains?

MH: Haah [ya], Cikgu Fatimah, Fatimah Nadia.

HH: Takkan tak guna buku cikgu? Buku warna kulit hijau, kulit biru.

MH: Rasanya ada sebab cikgu ada datang buat bengkel program ---

HH: Haa... (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Yelah, submission masa program cikgu.

AA: Kami guna cikgu.

HH: (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Itulah kata, apa ni [ini], oleh kerana kita dah banyak tulis buku kan dan majoriti guru-guru Malaysia guna program cikgu. Haa jadi dari segi penganugerahan tu memang orang kata pengiktirafan tu sangat tinggi lah.

AA & MH: (mengangguk-angguk)

HH: Dan apa ni [ini], contoh lah kan kalau Sarawak tu, Sarawak, Yayasan serawak tiga tahun cikgu pergi ronda satu serawak. Kalau johor, Yayasan johor, memang tiga empat tahun macam tu lah cikgu lupa. Yang guna program ni [ini] satu Johor. Program ni [ini] ditaja sepenuhnya oleh kerajaan negeri termasuk juga kerajaan Negeri Terengganu sebenarnya. Dari segi program cikgu memang boleh dikatakan satu Malaysia lah guna program cikgu.

- MH: (mengangguk-angguk) Okay. Tahun berapa dan dimanakah Tuan menerima Anugerah Guru Cemerlang Sains Gred Khas C tersebut?
- HH: Okay, untuk anugerah, penyampaian watah eh [ya].
- AA & MH: (mengangguk-angguk)
- HH: Penyampaian watah Jusa C ni [ini], kami dipanggil khusus oleh Kementerian -- di Kuala Lumpur. Cikgu lupa dimana tapi ni memang --- sebab Jusa C ni [ini] satu anugerah tinggi jadi kami dipanggil bersama dengan semua yang dianugerahkan Jusa C ni [ini] dan saya apabila semasa menerima anugerah Jusa C ni [ini] saya rasa Wah, saya macam antara yang... nak kata macam mana eh, kecil [kecil] antara yang besar.
- AA & MH: Oh. (mengangguk-angguk)
- HH: Sebab antara penerima yang Jusa C ni [ini] termasuklah Duta-duta negara-negara yang agak kecil macam contoh yang bersama saya Duta Malaysia ke Bolivia, sama Jusa C. Siapa lagi? Ketua Polis Negeri Malaysia, Pengarah Hospital Besar, bukan Hospital kecil-kecil eh [ya]. Pengarah Hospital Besar, besar. Pengarah Batalion satu battalioan angkatan tentera, bayangkan saya ni [ini] sebagai Pengarah Batalion Komando, wah, besar. Sama level [peringkat] dengan duta. Ketua Batalion eh [ya] bukan --- Ketua Batalion eh [ya]. Macam kem Sungai Udang tu satu batilion, besar. Last sekali, kami guru dalam mengajar... dalam kelas je. Wah, saya rasa memang anugerah yang sangat eh [ya] biar betul. Saya rasa wah. Tak padan lah, tak padan, tak padan dengan gaji. Haa jadi bila kita menerima satu benda yang besar wah, kita rasa macam satu penghormatan yang sangat tinggi lah kepada kita.
- MH: Siapa yang menganugerahkan ---
- HH: Yang menganugerahkan itu adalah masa itu Ketua Setiausaha Kerajaan, Ketua Setiausaha Kerajaan Malaysia.
- MH: Oh okay. (mengangguk-angguk)
- HH: Haa yang ini kalau kita panggil K-S-U ni [ini] orang yang tertinggi dalam jawatan awam Malaysia.
- AA & MH: (mengangguk-angguk)
- HH: Kita panggil pemegang urus satu, satu tu sorang jelah. Dia tu yang tertinggi dalam jawatan awam Malaysia.
- MH: Apakah kriteria bagi menerima anugerah sebagai Guru Cemerlang Sains Gred Khas C tersebut?

- HH: Nama pun guru cemerlang (ketawa)
- AA & MH: (ketawa)
- HH: Jadi mestilah cemerlang, cemerlang segala-galanya lah. Saya diberitahu oleh pihak penilai lepas kita dah menang, dah dapat kan, diberitahu, kita pun tertanya sebenarnya kenapa bila kita capai tahap ini kan sedangkan kita guru biasa sahaja. Kalau macam ketua battalioan tu kita tahulah dia berperang sana-sini. Macam saya ni [ini] cikgu kan jadi apa yang telah dinilai sebenarnya, jadi diorang [mereka] bagitahu kepada saya bahawa dibelakang tabir kita telah dinilai sbeanyak tiga-belas tapisan.
- MH: (terkejut)
- HH: Tiga-belas tapisan. Bukannya kita nampak dinilai --- maksudnya dia datang kesekolah sebenarnya tapi dibelakang tabir melalui tiga-belas tapisan. Semua dia cek melalui rekod polis, rekod perubatan, rekod politik, dan tah apa-apa lagi rekod lah kita pun tak tahu. Memang di --- tapi memang nak ceritanya tapisan yang sangat ketat.
- AA & MH: (mengangguk-angguk) okay. Apakah hadiah atau sumbangan yang diperolehi bagi pencapaian Tuan sebagai Guru Cemerlang Sains Gred Khas C tersebut?
- HH: Sebagai yang saya sebutkan tadi lah eh [ya]. Kalau kita hadiah duit, duit lah. Duit (ketawa) tapi kalau yang biasanya yang hadiah tu sijil kan? Sijil, plak, satu lagi yang cikgu rasa satu benda yang seronok bila kita berada tahap disitu, kita dipanggil sebenarnya untuk memberi ceramah di macam I-P-G, Institut Persatuan Guru, kemudian ke Universiti bertemu dengan bakal-bakal guru macam contohlah U-T-M, U-P-S-I, U-i-T-M biasa panggil saya untuk berjumpa dengan bakal-bakal guru yang akan keluar nanti. Jadi saya bagitahu dekat guru-guru ni [ini] supaya mereka ni [ini] tidak cepat bosan lah ketka --- sebab saya diberitahu kebanyakan guru-guru sekarang ni mereka adalah pelajar-pelajar cemerlang, haa saya memang seronok sangat berjumpa dengan bakal-bakal guru. Kebanyakan guru-guru sekarang ni [ini] mereka adalah calon-calon cemerlang, tak cemerlang tak dapat masuk, dipilih untuk menjadi bakal guru dan mereka semuanya smart student [pelajar rajin], rajin belajar, biasa daripada S-B-P, sekolah-sekolah terpilih la kan. Biasa satu ke sekolah, dia bertemu dengan pelajar-pelajar yang tak mahu belajar, haa ni [ini] satu masalah, dia memang... cikgu tu rajin belajar, dia anggap pelajar ni [ini] macam dia jugak, jadi bila dia keluar ke sekolah, haa dia jumpa dengan budak tak mahu belajar,

masa tu dia tak boleh terima hakikat bahawa budak tak boleh belajar, dia tak boleh terima mengajar budak yang tak nak belajar haa dia ingat dia mengajar macam mengajar dia haa dia ingat dia jadi guru macam guru ajar dia yang nak belajar. Dia jadi guru dia jumpa pelajar yang tak nak belajar masa tu dia akan haa nak buat macam mana sebab tu cikgu bagitahu pada mereka, kamu datang ke sekolah takde [tiada] karpas merah untuk kamu, kamu keluar dengan anugerah dekan ke (ketawa), four-flat ke, belum tentu kamu boleh berdepan dengan pelajar-pelajar yang malas belajar.

AA & MH: Betul (mengangguk-angguk)

HH: Cikgu bagitahu pada dia, kamu mesti ada teknik mengajar, bukannya nak menyampaikan ilmu. Nak menyampaikan ilmu ini baca buku pun boleh, tapi kena ada art [seni] seni menyampaikan ilmu iaitu jarang yang kita miliki pada guru-guru. Bahkan mereka akan rasa “oh, nak pencen awal” baru mengajar sepuluh tahun. (ketawa)

MH: Melalui kajian yang kami cari betul ke Tuan ada menerima empat puluh lima ribu ringgit [RM45,000] sumbangan daripada Yayasan Tun Hussein Onn dan Bank Islam?

HH: Ya ya ya. Itu anugerah --- tadi cikgu kata tiga puluh lima kan? Empat puluh lima sorry empat puluh lima (ketawa)

MH: Okay. (ketawa)

HH: oh, empat puluh la tu. Hadiah daripada --- betul la tu ada ada. Tu anugerah guru peringkat kebangsaan.

MH: Apakah yang telah mendorong Tuan untuk menjadi Guru Cemerlang Gred Khas C?

HH: Mendorong menjadi guru la eh [ya]? Jusa C tu cerita nombor 2 (ketawa)

MH: Haah (ketawa)

HH: Mengapa nak jadi guru lah senang.

MH: Okay okay.

HH: Mengapa nak jadi guru eh [ya]. Kalau kita tengok kenapa nak jadi guru kan, kerana tak silap cikgu, bila mati seorang anak adam ada benda yang untuk semua amalan kan, untuk semua amalan kecuali adalah beberapa perkara eh [ya], tiga perkara, ada setengah kata lapan perkara, okay lah berapa perkara, (ketawa) antaranya ilmu yang bermanfaat dan diamalkan, itu sebenarnya, jadi peringkat awal kita jadi guru tu kita tak sangat benda serious sangat, tak tengok

serious sangat kan, peringkat awal bila kita mengajar lah, kita enjoy [seronok] jelah bila kita bekerja tapi bila umur kita makin meningkat kita dah ada anak-anak, cucu-cucu, cucu-cucu cikgu campur dah empat-belas orang eh [ya].

AA & MH: Wah. (mengangguk-angguk)

HH: Kita dah pergi umrah, pergi haji, okay boleh tanya lah ayah Nurul Mahirah eh [ya] sebab cikgu pergi umrah bersama. Tapi kita lagi *serious* sebenarnya melihat benda-benda ni [ini] haa cikgu tengok eh [ya] kita kalau cikgu dari segi tentang dunia lah kita kira takde [tiada] apa dah, tak terkilan dah, nikmat dunia ni [ini] rasa dah, dapat semua lah walaupun --- kira mati tutup mata dah lah. Dapat dunia dah kira (ketawa) cukup lah. Akhirat macam mana. Akhirat macam mana. Adakah kita akan rasa seronok macam ni nikmat dunia ni [ini]? Sebab tu bila kita lagi tua, kita lebih *serious* melihat pada benda-benda macam ni sebab tu antara sebab cikgu pencen awal ni sebab kalau kita selagi --- sebenarnya Allah dah bagi kita satu nikmat kreatif ni [ini] lah, haa kreatif ni [ini] bukan benda secara kasarnya lah diberi oleh Allah kepada semua orang. Haa mentor saya Dr. Fadzilah Kamsah, dia pernah menilai program saya, dia kata apa --- nanti boleh lah saya hantar benda ni semua.

MH: Okay.

HH: Dia kata “Alhamdulillah,” --- saya bertemu dimana ni saya bertemu di Makkah ni masa buat umrah, bukan bertemu dekat Malaysia, saya beritahu dia “Dato’ boleh tolong tengok program saya?” bila balik dia tengok program saya, lepas dua jam dia kata apa, “Hamzah, you [awak] tahu tak apa yang you [awak] dapat ini, you [awak] dapat daripada mana? Apa yang you [awak] dapat ini adalah anugerah Allah kepada kamu. Kamu dipilih oleh Allah untuk memberi ni semua ni [ini].” “Mana Dato’ tahu?” “Saya rasa lain, benda yang special.” Memang betul apa yang saya buat pecutan kognitif ini bukan saya belajar mana-mana sebenarnya. Ini satu benda yang Allah anugerah lah, kira lebih kurang macam tu lah eh [ya]. Lebih kurang lah anugerah special sebab tu Dato’ Dr kata “You are selected by Allah [kamu telah dipilih oleh Allah]”

AA & MH: (mengangguk-angguk)

HH: Dan ada kawan saya pulak beritahu, orang yang Allah anugerah ni [ini], special [istimewa], biasa usia dia pendek. Buwi [bagi] contoh, Pakar Bedah Jantung Malaysia, *the top surgeon* mati awal sebab ni [ini] satu benda yang Allah anugerah. Haa betul. Banyak contoh-contoh eh [ya] sebab orang yang hebat

biasanya Allah ambik dia awal. Allah sayang dia. Maka saya bila orang bagitahu macam tu lagi takut (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Ini mati awal ni [ini]. Dan kebetulan pula, apa ni [ini], mertua saya dia orang tok guru alim, dia kata apa “setiap ilmu yang kita...Allah beri mestilah disampaikan secepat mungkin sebab ilmu itu hak Allah. Bukan hak kita. Siapa tak sampaikan ilmu yang Allah kurnia kepada dia, dia menanggung dosa.” Maka dia jadikan itu lebih takut lagi saya, dah lah Allah beri kita ilmu yang agak, bukan ilmu baru ni [ini], ilmu baru ni [ini], ilmu yang agak special, kalau bercakap mati awal. Kita pun rasa benda tu serious sebab tu saya pencen awal dan nekad menyampaikan ilmu ni [ini] sebanyak mungkin, seramai mungkin, supaya bila saya mati nanti saya boleh dapat dua benda, satu menyampaikan ilmu yang Allah sampaikan buwi kepada saya dan selepas --- dan supaya Allah terima ilmu ni sebagai ilmu yang bermanfaat sebagai saham akhirat untuk saya semasa akan datang nanti. Itu dua benda yang saya buat sebenarnya yang mendorong saya --- sebenarnya sampai sekarang saya masih menulis buku, tiap-tiap hari post [hantar] buku, ceramah, hanya berhenti ceramah ni sebab Covid sahaja.

AA & MH: (mengangguk-angguk)

HH: Covid. Kalau tidak ni [ini] --- jemputan masih ada sekarang ni [ini] dan saya rasa saya ceramah lima jam pun okay lagi lah. Tak ada masalah lagi setakat ni [ini]. Okay.

MH: Boleh kami tahu mengapa Tuan memilih untuk menjadi guru cemerlang dalam bidang Sains?

HH: Sebab tu saya kata tadi kan.

MH: Haah [ya] (mengangguk).

HH: Sains (ketawa) sekarang ni [ini] sains itu satu kehidupan sebenarnya. Kita hadap hari-hari. Sains ni [ini] banyak benda yang kalau dari segi sains ni [ini] kehidupan lah yang paling rapat dengan kita sebenarnya. Bangun tidur, sains. Nak tidur, sains. Makan, sains. Apa-apa semua lah sebab ramai orang kita yang buat benda yang kita tak faham. Buat kerana bukan ilmu tapi kita buat kerana kita adalah hidup, hidup. Jadi bila kita buat benda tanpa ilmu kita takkan rasa seronok.

AA & MH: (mengangguk-angguk)

HH: Buat yang sama dengan ilmu rasa seronok, sedap, sebab tu kita kena buat ni [ini] kita kena sedap, bila sedap kita buat kita buat, contoh kenapa kita bangun, (ketawa) kenapa kita mesti tidur cukup, sebab tidur awal bangun awal, kita belajar. Tapi kalau kita hanya buat tapi kita tak tahu kenapa kita buat kita tak rasa seronok tapi bila kita buat kerana kita tahu, seronok. Haa disitu bila kita buat kerana kita tahu, dia akan jadi istiqamah, sebab kita buat ada ilmu. Contoh sekarang --- saya bila... apa ni [ini] – pencen ni [ini] kan jadi bertistiqamah lah dipanggil macam ustaz lah pulak (ketawa).

AA & MH: (ketawa)

HH: Haa ustaz pulak. Saya sebenarnya dah banyak buat program-program ugama tapi saya tak jemput orang, saya buat di surau saya jelah. Surau depan rumah saya. Haa jadi antara yang saya --- boleh tengok dalam google eh [ya]. Dalam youtube. Ilmu yang bermanfaat. Sorry [maaf]. Usia yang bermanfaat. Boleh tengok.

MH: Okay.

HH: Satu contoh eh [ya]. Satu contoh. Macam mana saya tunjuk dari segi pengiraan sains bahawa kita setiap hari ditarik kubur selaju seribu enam ratus enam puluh kilometer [1660 KM] sejam.

AA & MH: (mengangguk-angguk)

HH: Haa. Catat eh [ya]. Tak kira kita ni [ini] sihat ke, sakit ke, tua ke, muda ke, setiap saat ditarik ke kubur salaju satu enam enam kosong kilometer [1660 KM] sejam. Oh, ramai kata ini takde [tiada] pun. Kita buat, kita buat matematik eh [ya]. Saya bagi contoh ukur keliling bumi, satu keliling tiga puluh enam ribu [3600] berapa gitu-gitu lah eh [ya]. Boleh tengok eh [ya]. Lima ribu lebih kilometer [5000 KM]. Lilitan. Bumi berputar satu jam, satu pusingan dua puluh empat jam [24 jam], jadi setiap hari kita berjalan mengikut putaran bumi sejauh tiga puluh enam ribu [3600] lah jadi bila kita tiga puluh enam ribu [3600] tu bahagi dengan dua puluh empat jam [24 jam] itulah lajunya kita bergerak sekarang ni [ini] dibumi. Dan kita ni [ini] mati bukannya kerana sakit, kerana ajal kita, ajal kita ni memang tetap dah. Kalau saya umur enam puluh lima [65], mati umur enam puluh lima [65], enam puluh lima [65]. Itu fixed [tetap]. Setiap hari sebenarnya kita berjalan menuju ke umur enam puluh lima [65]. Jadi nanti tengok dalam youtube cikgu cerita dengan jelas macam mana kekurangan.

AA & MH: Boleh Tuan. (mengangguk-angguk)

- HH: Apa jemaah akan kata, oh betul lah. Tak sedar tengah tengok ni [ini] tak mati lagi. Yang tengah tengok sekarang ni [ini] cikgu dekat surau, akhirat bila-bila, bukan akhirat bila-bila, masa sekarang ni [ini] Allah dah kira kita kebaikan walaupun satu zarah dan kejahatan satu zarah.
- AA & MH: (mengangguk-angguk)
- HH: Berapa besar satu zarah? Kita tak pernah guna sains untuk buat melakukan tentang agama. Kalau tok guru kita kata zarah ni [ini] debu. Bukan salah, tak tepat lah. Haa kalau sains kita ambik konsep bilangan zarah kita ambik hukum enam point dua dua dua darab 10 kuasa 23 tu bilangan atom yang ada satu mole.
- AA: (mengangguk-angguk)
- HH: Jadi kalau kita satu karbon dia mole dia 12-gram jadi 12-gram arang tu ada lebih kurang enam point, enam point kosong kosong kosong darab 10 kuasa 23. Saya tunjuk dekat jemaah saya la tu, “Allah, halusnya zarah”. Jadi nak beritahu pada kita, salahnya walaupun sebesar zarah, zarah ni [ini] kecil, yang kita takut kita tengok dosa yang besar-besar, Allah kira dosa yang kecil-kecil sebesar zarah jadi kalau kita tengok zarah tu, banyak sangat sangat sangat sangat sangat halus, nanti masuk neraka kerana satu zarah. Wuu, masuk neraka weh. Kita ingat bunuh orang je.
- AA & MH: (ketawa)(mengangguk-angguk)
- HH: Haa masa tu sedar wuu halusnya. Jadi kita guna konsep sains untuk menerangkan kefahaman agama. Jadi macam mana. Haa okay. (ketawa) Panjang dah cerita ni [ini]. Haa. Ni [ini] pencen-pencen jadi ustaz pulak.
- AA & MH: (ketawa)
- HH: Nanti tengok eh [ya]. Tengok dalam youtube umur yang diberkati. Satu jam 45 minit.
- MH: Okay. Boleh boleh.
- HH: Very scientific [sangat saintifik]. Kita guna graph [graf] apa semua.
- MH: Okay.
- AA: Okay, baik Tuan.
- MM: Seterusnya, boleh kami tahu anugerah lain yang diperolehi Tuan selain daripada anugerah tersebut?
- HH: Oh, kalau anugerah ni [ini] --- tapi yang tulah yang paling banyak adalah anugerah—

- MM: Pecutan?
- HH: Macam yang saya dah sebut semua tadi kan, peringkat negeri, peringkat daerah, peringkat kebangsaan, peringkat guru, jadi itu semua semua. Kira semuanya adalah anugerah-anugerah utama Kementerian lah.
- AA & MH: Okay.
- MM: Apakah perasaan Tuan apabila menerima kesemua anugerah tersebut?
- HH: Yang pertama rasa syukur, kedua rasa di- rasa di- apa tu dihargai dan rasa apa ni [ini] – orang memberi pengiktirafan kepada apa yang cikgu buat sebab dia macam ni kalau mengapa saya buat ini – mengapa saya buat ini sebab saya bila tengok anugerah ini, macam-macam anugerah la kan maknanya macam-macam anugerah yang saya dapat, macam-macam idea yang saya ada tapi bila bawa kepada Kementerian --- ni [ini] maaf nak cakap, sorry to say [maaf cakap lah] lah, takpa [tidak mengapa] ni [ini] luahan perasaan. Bila saya bawa idea ni [ini] saya tanya diorang [mereka], saya pergi jumpa diorang [mereka] pegawai-pegawai tu untuk apa saya diberi penghormatan dan Tuan-Tuan tahu bahawa idea saya ini yang okay digunakan oleh sekolah-sekolah seluruh Malaysia, kenapa tidak dijadikan sebagai satu benda yang rasmi, rasmi, supaya jangan jadi saya ni [ini] macam --- sebab ramai yang kata saya buat program ini orang kata saya meninggalkan sekolah lah, buat kerja sambilan, untuk kepentingan diri, macam-macam lah. Saya terima, betul lah sebab saya gi ceramah tu dapat duit. Betul. Saya pun rasa tak seronok gak [juga] kan, masa tu saya masih berkhidmat. Hari Jumaat, Sabtu pergi. Saya wah --- mengguna... menyalahguna kedudukan sebagai penjawat awam. Ada yang buat report ke B-P-R, saya telah menyalahguna kedudukan saya. Saya pergi jumpa B-P-R, “salah ke saya?” Macam-macam, saya cerita dekat pegawai untuk apa saya dianugerahkan ini semua. Diorang [mereka] mintak bahan-bahan saya ni [ini]. Saya tanya dia, dia kata apa? “Untuk dicompile [disusun] sebagai masuk file [fail] bukti kami telah buat kerja.” Saya kata very useless [sangat tidak berguna]. Untuk apa? Sekadar nak buat isi file [fail]. Untuk apa saya dianugerah? Sebab itu saya pencen awal kerana saya rasa terkilan kerana saya terpaksa buat benda macam ni [ini] dengan fitnah. Jadi oleh kerana saya rasa saya nak, mesti sampaikan benda ni [ini]. Kalau tak ada jalan biar rasmi maka saya keluar daripada jawatan. Saya berkorban sikit. Haa tapi takpe lah [tak mengapa lah], sebab ada kawan saya

kata, Dr. motivasi untuk saya, “Hamzah,” dia kata “nevermind, outside more greenier [jangan risau, diluar lebih hijau]” Diluar lebih hijau daripada dalam. Memang betul lah, buat kerja diluar memang lebih lumayan berbanding dengan gaji yang saya tadi. Dan yang peliknya lepas saya pencen, oleh kerana Kementerian Pendidikan tidak membantu, dibantu pulak oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, telah taja saya dengan tajaan yang sangat lumayan selama tiga tahun lebih kurang satu point enam juta [1.6 juta]

AA & MH: (terkejut)(Mengangguk-angguk)

HH: Jadi, orang daripada Jabatan lain pulak yang melihat program ini membantu pelajar-pelajar luar bandar, orang asli eh [ya]. Sebab tu saya ronda satu Malaysia selama lebih kurang tiga tahun Unit Perancang Ekonomi, tajaan Kerajaan Malaysia.

MH: Jadi, program yang ditaja oleh Unit ---

HH: Perancang Ekonomi.

MH: Haah [ya] (mengangguk), Perancang Ekonomi tu nama program tu Kaedah Pecutan tu ke Tuan?

HH: Ya ya ya ya.

MH: Oh, okay okay. (mengangguk-angguk)

HH: Nanti boleh la ambik dengan...dia punya... ada semua bahan-bahan bukti. Memang kita ronda satu Malaysia.

AA & MH: Okay. (mengangguk-angguk)

HH: Ronda satu Malaysia. Tiga tahun eh [ya]. Ronda Malaysia. Tajaan penuh eh [ya]. Tajaan penuh.

MH: Okay. Alhamdulillah. Terdapat banyak anugerah dan pencapaian yang diperolehi Tuan Haji. Ini merupakan antara pencapaian yang paling manis dalam sejarah Pendidikan Terengganu dan juga Malaysia.

BAHAGIAN E: SUMBANGAN

AA: Okay untuk bahagian E saya ingin mengetahui tentang sumbangan yang telah diberikan oleh Tuan sepanjang Tuan menjadi seorang pendidik. Jadi, bolehkah

Tuan ceritakan sumbangan Tuan dalam bidang keguruan dan pembangunan sekolah?

HH: Okay, (berdehem) sebagaimana yang saya dah bagitahu tadi, saya memang membuat banyak bukan sekadar seminar dengan pelajar-pelajar tapi juga seminar dengan guru-guru, guru -guru dan juga bakal-bakal guru, jadi... apa ni [ini]... dan satu benda yang terbaru lah, ha yang ni [ini] ha yang ni [ini] ya [iya] (sambil menunjuk buku) iaitu... yang cikgu buat buku ni [ini] P-A-K, PAK-21 [Pembelajaran Abad ke-21] kan ada nampak kan (sambil menunjuk buku)

AA: PAK-21(sambil melihat buku yang ditunjuk)

MH: Okay (sambil melihat buku yang ditunjuk)

HH: Ada nampak? (sambil menunjuk buku)

MH: Okay, dia (sambil melihat buku yang ditunjuk)

HH: Boleh? (sambil menunjuk buku)

MH: Okay (sambil melihat buku yang ditunjuk)

HH: Tak nampak? (sambil menunjuk buku)

MH: Dia tak nampak sebab gambar “background” [latar belakang] tapi...

AA: Haah [iya] (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)

HH: Ha [iya] okay okay (sambil menunjuk buku). Ha [iya] yang ni [ini] ya [iya] (sambil menunjuk buku) okay (sambil menunjuk buku)

AA: Okay (sambil melihat buku yang ditunjuk)

HH: Okay (sambil menunjuk buku)

MH: Okay (sambil melihat buku yang ditunjuk)

HH: Okay ya (sambil menunjuk buku)

AA: Pembelajaran Abad ke 21.

HH: PAK-21 [Pembelajaran Abad ke-21], pembelajaran aktif abad ke 21, ni [ini] antara buku yang khusus untuk latihan kepada guru-guru, latihan kepada guru-guru sebab ini yang khusus untuk latihan guru-guru lah (sambil menunjuk

buku), sebagai contoh... biasanya Kementerian bukan kita komen Kementerian ya (sambil ketawa) okay takpalah [tidak mengapa lah] kita, biasanya Kementerian ia hanya beri benda ni [ini] dalam bentuk idea bentuk idea kan idea, kalau tengok sini PAK-21 [Pembelajaran Abad ke-21] ni [ini] pembelajaran abad ke 21 kan, kalau tengok pada senarai yang dia bagi ni [ini] ada sembilan puluh sembilan [99] turkib... turkib ataupun kaedah yang diperkenalkan, ha okay tetapi takda [tidak ada] contoh, takda [tidak ada] contoh, kalau contoh pun contoh umum takda [tidak ada] contoh yang... melibatkan subjek, contoh lebih kepada idea sahaja contoh lah, contoh... contoh ya disini ada satu... apa ni [ini]... cikgu bagi contoh ya, contoh di... puisi, puisi sains.

AA: Puisi sains.

MH: Okay.

HH: Ada kata drama kan drama, ada kata puisi tapi takda [tidak ada] satu contoh pun macam mana puisi sains kan takda [tidak ada] contoh jadi cikgu-cikgu pun kata mana contoh sebagai satu ikutan takda [tidak ada] tapi di sini cikgu bagi...

MH: Bukti.

HH: Maksud contoh ya [iya].

MH: Contoh.

HH: Boleh bagi... cikgu boleh baca satu contoh?

AA dan MH: Boleh boleh cikgu (sambil menganggukkan kepala)

HH: Boleh eh? Alang-alang contoh lah. Nanti datang rumah cikgu, cikgu bagi semuanya.

MH: Okay (sambil senyum)

AA: Boleh Tuan (sambil senyum)

HH: Itu macam eh [ya]. Cikgu ambil contoh... apa ni [ini] 'Api' ya [iya], 'Api', 'Api' ya [iya], cikgu ambil contoh 'Api'.

AA: 'Api'.

HH: Fire [api] (sambil ketawa)

- AA: Okay (sambil ketawa) ‘Api’.
- HH: Okay (sambil ketawa) Cikgu baca puisi sains tajuk dia ‘Api.
- AA: Boleh-boleh (sambil menganggukkan kepala)
- HH: “Bersama kayu dan oksigen, nyalaanku menjulang, bertenaga cahaya dan kepanasan, memanaskan dari kesejukan, menerangi kegelapan” (sambil membaca buku), ha itu paragraph [perenggan] pertama, makna sangat saintifik kan?
- AA dan MH: Haah (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)
- HH: Ha babak kedua pula, tengok “Hari kelmarin aku dipuji, memasak enak lauk disaji, hari ini aku dikeji, membakar rumah harta dipusakai, hari esok engkau dikaji, amal baik amal keji, andainya surat amal di tangan kiri, engkau akan bersama aku yang bernama api” (sambil membaca buku). Jadi, kita boleh tahu... pengajaran bukan mesti semuanya sains kita sebagai guru boleh masuk nilai sains, nilai agama, nilai moral, takda [tidak ada] masalah.
- AA: Betul cikgu (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)
- HH: Yang jadi masalah... minta maaf saya cakap mengapa kita ni [ini] tak suka kepada kerajaan kita memarah kerajaan tidak masukkan unsur-unsur agama dalam pengajaran, saya nak tanya cikgu-cikgu siapa yang mengajar anak murid? Kita. Jadi kalau kita nak masukkan unsur-unsur agama dalam pengajaran masuklah siapa larang kita ada hak, kita ada autonomi dalam kelas, serap takda [tidak ada] masalah tak perlu kerajaan arah kita...
- MH: Betul betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)
- HH: Tak payah tunggu pekeliling, kita, boleh buat takda [tidak ada] masalah, okay (sambil ketawa) emosi sikit (sambil ketawa), banyak lagi banyak lagi ada kalau nak mari rumah mari lah macam-macam puisi ada (sambil ketawa)
- AA: Boleh Tuan (sambil ketawa). Okay, bagaimana pula sumbangan Tuan dalam bidang kokurikulum?
- HH: Dalam? Kokurikulum?
- AA: Kokurikulum.

- HH: Kokurikulum eh [ya]?
- AA: Haah [iya] (sambil mengangguk tanda mengiyakan)
- HH: Okay okay, saya ni [ini] sebenarnya orang sukan (sambil ketawa), kita ni [ini] kalau peringkat Tun Telanai dahulu memang tahu lah saya sebagai jurulatih... apa ni [ini]... olahraga dan juga jurulatih bola sepak lah. Dulu-dulu kalau peringkat-peringkat tahun lapan puluh an [80an] ramai lah player-player [pemain-pemain] Negeri Terengganu tu [itu] yang datang daripada Sekolah Menengah... Tun Telanai, kami pernah latih team [pasukan] Tun Telanai sampai johan... PPD Kuala Terengganu, kalau ingat tahun lapan puluh an [80an] sembilan pulun an [90an] tanya lah mak-mak kita kalau Kuala Terengganu ni [ini] Tun Telanai memang johan untuk Kuala Terengganu masa tu [itu] gabung dengan Kuala Terengganu utara ya KTU-KTS (Kuala Terengganu Utara-Kuala Terengganu Selatan) ha Tun Telanai dan bila sampai di Sultan Mansor saya masih kekal sebagai jurulatih bola sepak dan juga kita pernah lah dapat johan untuk Kuala Terengganu, saya tak ingat tahun berapa dan kalau peringkat kampung ha peringkat kampung ni [ini] pernahlah bawa team [pasukan] belia Kampung Padang Midin dapatlah naib Johan edition [edisi] dua [2] liga Terengganu... jadi dari segi kokurikulum ni [ini] dan saya sampai sekarang lah masih aktif... berjoging dan juga yang dah tua-tua ni [ini] memang cycling [berbasikal] tiap-tiap harilah harini taklah sebab nak interview [temu ramah], tiap-tiap hari lebih kurang dua belas kilometer [12km] lima belas kilometer [15 km] untuk mengekalkan fitness [kecergasan] kita.
- AA: Betul (sambil menganggukkan kepala tanda mengiyakan)
- HH: Sebab tu [itu] saya kata benda yang kita buat ni [ini] kita kena faham bukan kerana... trend takda [tidak ada], kita kekal fit [cergas] untuk kesihatan kita, sebab tu [itu] ilmu sangat penting lah ilmu penting.
- AA: Okay, bolehkah saya tahu sumbangan Tuan selepas Tuan bersara?
- HH: Okay, lepas [selepas] bersara ni [ini] saya memang full-time [sepanjang masa] menjaga surau Nur Yakin di depan rumah saya ni [ini], menjaga full-time [sepanjang masa] lah jaga surau... jadi kita buatlah program-program, nanti cikgu boleh hantarlah ya apa-apa yang kita buat untuk membantu jemaah-jemaah kita,

kefahaman ya, saya bukan ustaz sebenarnya saya bukan ustaz tapi kita cikgu tapi kebanyakannya penduduk-penduduk kampung saya ni [ini] mereka yang orang kata orang kampung lah ya jadi kita kena bimbing benda-benda yang supaya mereka lebih faham tentang ugama walaupun kita taklah [tidaklah] terlalu alim dan macam ramadan baru ni [ini] kita latih diorang [mereka] beriktikaf, tidur di surau, bimbing kan, buat jadual untuk imam-imam bertugas, kemudian... apa ni [ini]... hobi cikgu lah sekarang ni [ini] lebih kepada... gardening [berkebun] lah gardening [berkebun] rumah bertanam pokok-pokok kat [dekat] rumah kehijauan, memang macam hobi cikgulah suka tanam-tanam pokok dan kalau nak kenal rumah cikgu (sambil ketawa) senang saja orang akan tanya rumah cikgu adalah rumah yang paling banyak pokok itu saja [sahaja] (sambil ketawa) macam taman ya, boleh datang tengok (sambil ketawa)

AA: In shaa Allah, In shaa Allah (sambil menganggukkan kepala)

MH: In shaa Allah (sambil menganggukkan kepala)

AA: Okay soalan seterusnya, adakah Tuan ada melibatkan diri dalam bidang penulisan, penerbitan atau penyelidikan?

HH: Dalam... sekarang ni [ini] yang masih cikgu tulis iaitu buku rujukan, buku nota sains... apa ni [ini]... KSSM [Kurikulum Standard Sekolah Menengah] ya [iya], sebab mulai tahun dua ribu... dua ribu dua puluh satu [2021] pengenalan kepada kurikulum baru KSSM [Kurikulum Standard Sekolah Menengah], jadi sekarang ni [ini] cikgu masuklah cikgu ada... menulis bersama dengan Cikgu Zarina iaitu KSSM [Kurikulum Standard Sekolah Menengah] tingkatan empat [4] dan tingkatan lima [5], kemudian dari segi... penulisan secara rasmi... takda [tidak ada] tapi lebih kepada sumbangan idea untuk akhbar, akhbar ya, jadi sekarang ni [ini] kebanyakan... bukan kebanyakan biasanya kalau ada isu-isu tentang pendidikan akhbar... apa ni [ini]... sinar biasa rujuk kepada cikgu lah, contoh macam baru ni [ini] isu tulisan Jawi kan jadi dia rujuk kepada cikgu, apa kita punya pandangan, kemudian yang baru-baru ni [ini] lagi apa ni [ini]... tentang bila covid ni [ini] kan isu... apa ni [ini]... pelajar tak [tidak] bersemuka kan jadi dia bagitau macam mana cadangan kita tentang penilaian... cadangan-cadangan lah bentuk-bentuk penilaian baru ni [ini], jadi boleh lah rujuk nanti

cikgu akan hantar, rujuk keratan-keratan surat khabar... yang biasanya boleh rujuk pada cikgu lah.

AA: Okay (sambil menganggukkan kepala), okay dari segi penerbitan atau penyelidikan Tuan?

HH: Penyelidikan tu takdalah [tidak ada lah], hanya yang kita tulis macam yang baru ni [ini] ada cikgu tulis macam... kisah-kisah nabi yang sedang, yang cikgu dah tulis kisah nabi Musa tapi untuk kegunaan ahli jemaah surau sahaja lah.

AA: Ha okay okay (sambil menganggukkan kepala), okay bagaimanakah Tuan menghasilkan kaedah pecutan kognitif sains tersebut?

HH: ... Tak dengar...

AA: Bagaimanakah...

HH: Sekali lagi...

AA: Bagaimanakah Tuan menghasilkan kaedah pecutan kognitif sains?

HH: Okay kejap eh [ya].

AA: Boleh Tuan.

HH: --- Okay... pecutan kognitif kan?

AA: Haah [iya], haah [iya] Tuan (sambil menganggukkan kepala)

HH: Sebenarnya pecutan kognitif ni [ini] satu benda yang besar sebenarnya... idea awalnya cikgu dah bagitau tadi kan sepatutnya balik daripada UK [United Kingdom], ha jadi dipanggil C-A boleh google ya C-A-S-E, CASE [Cognitive Acceleration through Science Education] projek CASE [Cognitive Acceleration through Science Education] ya, okay tu [itu] ideanya... jadi dalam... cikgu nampaklah, cikgu nampak pecutan kognitif ini ia sesuai untuk semua level [tahap] pelajar, jadi daripada pelajar yang lemah sampai ke pelajar cemerlang, ni [ini] yang yang mengapa program ini mendapat sambutan sebenarnya, jadi pada saya cikgu tidak ada pelajar yang tidak boleh belajar sebenarnya yang pentingnya kita pandai menyesuaikan... apa ni [ini]... kaedah kita, jadi dalam pecutan kognitif ini cikgu beri tiga fasa pada bentuk pelajaran pembelajaran kepada cikgu, kalau budak tu [itu] lemah macam mana nak guna bahan ini, kalau

pelajar tu [itu] sederhana macam mana nak guna, kalau pelajar cemerlang macam mana nak guna sebab tu [itu] ramai kalau guru-guru yang tak [tidak] faham program ini, dia kata apa, sesuai untuk pelajar yang lemah sahaja... tapi mengapa sekolah-sekolah SPB [Sekolah Berasrama Penuh] MRSM [Maktab Rendah Sains Mara] pun guna juga, ha jadi biasanya mereka yang komen ini mereka yang tak [tidak] kenal sebenarnya hanya dengar cerita jauh-jauh... dan satu lagi dia komen kerana melihat Sekolah Menengah Sultan Mansor tu [itu] takdalah [tidak adalah] ranking [peringkat] pertama kat [dekat] Terengganu, ha saya dah bagitahu tadi kan, kita dari segi bahan takda [tidak ada] masalah tapi masalahnya pelajar, jadi sebab tu [itu] cikgu dari segi pecutan kognitif ini memang kalau cikgu-cikgu yang biasa guna program kita ni takda [tidak ada] masalah dia akan faham macam mana nak ubah suai dengan pelajar yang pelbagai-pelbagai tahap pencapaian... dan satu (sambil berdehem) yang menariknya dalam program ini dia bukan sekadar ilmu sahaja dia ada dalam bentuk permainan (sambil berdehem) game [permainan] sebab tu [itu] game [permainan] ini kita ada khusus sub kepada pecutan kognitif kita panggil gamedia.

AA dan MH: Gamedia (sambil menganggukkan kepala)

HH: G-a-m-e-d-i-a.

AA: Gamedia (sambil menganggukkan kepala) gamedia

HH: Maksudnya game as a media for education [permainan sebagai media untuk pendidikan] ha gamedia (sambil ketawa) ini juga... ha ini juga telah menang dalam peringkat inovasi... macam macam dia ada dalam bentuk permainan, bentuk puisi, macam macam lah (sambil ketawa) teka-teki kepelbagaian kaedah.

AA: Okay, soalan seterusnya apakah perasaan Tuan apabila sumbangan tersebut dapat diguna pakai sehingga kini oleh guru dan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia [SPM] dan ujian bertulis Pentaksiran Tingkatan 3 [PT3]?

HH: Okay rasa saya sangat sangat syukur sangat seronok sangat bangga sebab saya... sebab yang menerima hampirkan... boleh dikatakan menerima program cikgu ni [ini] hampir seluruh Malaysia digunakan jadi dalam... apa ni [ini]...

Telegram cikgu group [kumpulan] cikgu ha nanti nak join [sertai] pun boleh la ya, group [kumpulan] cikgu Hamzah group [kumpulan], saya ada lebih kurang seribu tiga ratus [1300] followers [pengikut] ada seribu tiga ratus [1300] orang guru yang menjadi pengikut saya, ha ada masalah apa-apa dalam pembelajaran mereka akan tanya saya dan apa-apa bahan yang saya ada terkini, terkini saya akan masukkan dalam group [kumpulan] itu, jadi kita ada sampai sekarang ya guru-guru masih berhubung dengan cikgu bertanya tentang isu-isu tentang pembelajaran dan itu satu benda yang sangat-sangat seronok sebenarnya walaupun dah pencen, sebelas [11] tahun ya tahun, tahun ni [ini] dah sebelas [11] tahun tapi hubungan kita dengan guru masih tidak putus jadi sebab tu [itu] saya kata cikgu kata walaupun cikgu pencen hakikatnya cikgu tak [tidak] pencen sebenarnya tiap-tiap hari masih buat bahan-bahan pengajaran sebenarnya sampai sekarang, sampai sekarang masih buat benda-benda untuk bantu pelajar.

MH: Okay.

AA: Okay.

MH: Boleh cikgu ceritakan macam mana cikgu mewakili Malaysia bagi lawatan sambil belajar di Jepun pada Sembilan belas Sembilan puluh tujuh [1997]?

HH: Okay (sambil ketawa) mana tahu tu [itu] (sambil ketawa), okay cikgu alhamdulillah ya, dua [2] kali lah dilantik dipilih oleh Kementerian untuk mewakili Malaysia sebenarnya tiga kali lah ya tiga kali lah, yang pertama masa berkhidmat mewakili Malaysia ke kursus di Recsam Penang walaupun dekat Malaysia dekat Penang, tapi itu international course, international course wakil lima [5] orang ya wakil Malaysia, kemudian tahun... sembilan belas Sembilan puluh tiga [1993] ke UK [United Kingdom], itu sorang je [sahaja] ya, sorang je wakil Malaysia dengan sorang pegawai dan tahun... setahun selepas itu ke Jepun macam mana dipilih, oleh kerana cikgu banyak memenangi anugerah inovasi kan dan banyak sumbangan kita kepada Kementerian terutama bahagian latihan kepada guru-guru sebab tu [itu] kita dipilih mewakili Malaysia ke Jepun, cikgu ingat... empat orang, empat orang daripada empat agensi yang berlainan daripada SBP [Sekolah Berasrama Penuh], daripada MRSM [Maktab Rendah Sains Mara] kan, saya daripada bahagian sekolah biasa lah, sekolah

Kementerian untuk melihat sistem pendidikan di Jepun dan membawa sedikit idea idea Jepun ke Malaysia lah, jadi... tapi kita boleh tengok idea tapi kita sukar nak praktis, ha ini satu masalah kita boleh bawa idea, kita tak boleh praktis, jangan komen ya, jangan kata Malaysia tak bagus, bila kita jadi pegawai bila-bila kita tahu idea tak mestinya kita boleh buat sepenuhnya, dia ada faktor-faktor lain nak bagitahu ya supaya kita jangan emosi, yang pertama faktor cuaca kita ni [ini] panas Jepun tu [itu] sejuk, yang kedua faktor kemudahan tempat, mereka dari segi kejiiranannya lain, dekat-dekat, dia centralized [berpusat], kita ni [ini] scattered [berselerak] jauh-jauh, sebab tu [itu] saya kata kita jangan emosi kita mesti rasional, kemudian dari segi bilangan... pelajar kita pelajar empat puluh [40] orang satu kelas mereka dua puluh [20] orang, jadi itu benda-benda yang kita nak buat tak [tidak] boleh sebab bilangan sekolah kita tak banyak, jadi inilah benda-benda yang... PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] parents [ibu bapa] datang ke sekolah bawa makan, masak sama-sama, dah kita mak ayah kita boleh ke buat macam tu [itu], apa lagi... guru-guru takda [tidak ada] kantin ha serve [hidang] makanan ke bilik guru kita ni [ini] sekolah tak [tidak] boleh takda [tidak ada] kantin cikgu-cikgu marah.

AA: Betul (sambil menganggukkan kepala)

HH: Jadi ini benda-benda yang kita boleh tengok tapi tak [tidak] mestinya kita boleh buat, sebagai, ada benda-benda yang kita boleh belajar dan kita boleh adapt [menyesuaikan diri] lah dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian negara kita.

MH: Okay, boleh cikgu ceritakan pengalaman cikgu sebagai penilai buku teks sains tingkatan lima dan pengubal soalan sains SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]?

HH: (ketawa) Dari segi penilai buku teks itu takda [tidak ada] apa masalah sebenarnya sebab buku teks yang sampai pada kita tu [itu] memang telah dinilai beberapa kali, kita hanyalah yang the final editor [penyunting terakhir] lah kita kira kan, yang final [akhir] ni [ini] biasanya everything [semua] okay dah lah hanya, it's a prosedur [ini adalah prosedur] ya, macam mana last [akhir] sekali Kementerian nak lulus buku tu [itu], jadi dari segi tu takda [tidak ada] masalah sangat lah, hanya kenangan semasa menjadi... pengubal soalan di Lembaga Peperiksaan, itu satu benda yang sangat menariklah ya sebab tak [tidak] didapati

oleh semua orang lah dipilih oleh Lembaga dan bila kita duduk di bahagian penggubal soalan kita... kita jangan rasa syok ya memanglah rasa macam satu benda satu hebat lah sebab bukan semua orang dapat peluang ni [ini] tapi kena ingat setiap yang kita buat tu [itu] adalah masa depan pelajar... ha masa depan pelajar ya, jadi ramai sedangkan kita ni [ini] cikgu-cikgu, minta maaf ya cakap silap faham, ada kata soalan standard adalah soalan yang sukar ha salah tu [itu] kan salah... bila soalan tu [itu] budak tak jawab standard, kalau semua boleh jawab tak [tidak] standard salah, jadi soalan yang kita buat mesti menepati apa benda yang kita ajar, jadi kita panggil learning objective [objektif pembelajaran] kan objektif pengajaran sorry [maaf] objektif pembelajaran, ha itu, ingat dua benda dia ada dua, satu objektif pengajaran itu kerja cikgu, dinilai oleh Guru Besar, Pengetua, PK1 [Penolong Kanan 1] yang kita ni [ini] penilai penggubal soalan nak nilai pelajar, jadi kita mesti tahu objektif pembelajaran, pelajar tu [itu] belajar ke tidak, tadi cikgu tu [itu] ngajar ke tidak, jadi jelas sebab cikgu sedangkan dia silap faham, jadi bila dia faham bahawa nak nilai adalah pembelajaran dan saya mengajar sekolah biasa (berdehem) jadi saya boleh nampaklah penilaian mesti tepat sebab tu [itu] ramai kalau penilai penggubal daripada sekolah SBP [Sekolah Berasrama Penuh] dia akan nilai benda itu tinggi (berdehem) sebab dia ingat semua pelajar ni [ini] macam budak dia sebab tu [itu] dia pilih kebanyakannya daripada sekolah biasa supaya soalan itu fair [adil] adil untuk semua kategori pelajar dan kita... bila penggubal ni [ini] jadi glamor lah sebab pakai rujukan kita tapi kita kena ingat kita memegang kerahsiaan walaupun anak kita sendiri pun tak [tidak] boleh diberikan soalan... yang akan keluar.

AA dan MH: Betul (sambil menganggukkan kepala)

MH: Okay, selain itu boleh cikgu ceritakan pengalaman cikgu dalam menyertai Program Peningkatan Pendidikan sains - Teknik Ingat Secara Kreatif - Sains Itu Mudah Anjuran RTM - Selamat Pagi Malaysia?

HH: (sambil ketawa) Wahh ini satu benda yang... sebenarnya cikgu dapat anugerah semua ni [ini] kerana ICK kita panggil ya, ICK, ICK [Ingat Cara Kreatif] ingat cara kreatif.

AA dan MH: Kreatif.

HH: Ini ialah satu benda yang satu anugerah yang... mana... (sambil ketawa) yang Allah kurniakan special [istimewa] untuk saya lah, ICK [Ingat Cara Kreatif] kita panggil ya, ICK [Ingat Cara Kreatif] ni [ini] memang sangat popular lah, pergi mana-mana hatta [sehinggakan] cikgu kalau pergi kat stesen bas ke kat airport [lapangan terbang] mesti terjumpa bekas-bekas pelajar kita kan, kita tak [tidak] kenal lah tapi mesti dia bagitahu cikgu hamzah kan? ICK [Ingat Cara Kreatif]? (sambil ketawa) berkesannya ICK [Ingat Cara Kreatif] tu [itu] sebagai satu tagline [slogan] untuk cikgu hamzah, ICK [Ingat Cara Kreatif].

AA: ICK [Ingat Cara Kreatif]

HH: Jadi ICK [Ingat Cara Kreatif] ni [ini] dia ada macam-macam... cara... Ingat Cara Kreatif ini secara mudahnya, ada... tak [tidak] silap cikgu enam [6] ke tujuh [7], yang pertama menggunakan... apa ni [ini]... peribahasa kan peribahasa supaya mudah faham, contoh lah contoh kalau dulu kata 'jahat macam firaun' kan kita tukar kalau 'jahat seperti patogen' wahh (sambil ketawa) patogen adalah sejenis bakteria yang menyebabkan bahaya kan, patogen ha... okay, contoh la tu [itu], banyak lagi contoh yang lain.

MH: Jadi cikgu dijemput daripada RTM [Radio Televisyen Malaysia] ke?

HH: Ya ya ya (sambil menganggukkan kepala)

MH: Oo okay (sambil menganggukkan kepala)

HH: Dulu... dekat RTM [Radio Televisyen Malaysia] ... tapi dulu... biasanya... melalui audio sahaja ya, jadi kita tak [tidak] berapa seronok lah sebab ia melalui telefon, jadi kita nak cerita tu [itu] payah, jadi kalau... apa ni [ini]... biar secara... TV [televisyen] secara live [langsung] tapi takda [tidak ada] takda [tidak ada] sebab... tu [itu] lah kata tidak ada satu platform yang membenarkan tapi dari segi ICK [Ingat Cara Kreatif] ada macam-macam ya ada dalam bentuk lukisan, bentuk tulisan, dalam bentuk makna setiap huruf, dalam bentuk kita panggil nickname [nama panggilan], nickname [nama panggilan] nama-nama pendek ke yang panjang ke pendek pendek-pendekkan, contoh lah, contoh pelajar-pelajar memang dia seronok nak ingat aloi kan kalau kata loyang kuprum campur zink [Loyang = kuprum + zink] kita pendek jadi yangkuzi.

AA: Haah [iya] (sambil menganggukkan kepala)

HH: Pernah dengar tak? ‘Yangkuzi’ ‘Gangkuti’ ‘Tertimbus’ itu aloi, kita baca aloi tu [itu] bukan main cerita panjangkan tapi kita pendek jadi ‘Yangkuzi’, ‘Gangkuti’, ‘Tertimbus’, ha jadi loyang kumprum campur zink, gangkuti gangsa kumprum campur timah, piuter timah campur plumbum jadi pendek je pendek je, banyaklah macam sekarang ni [ini] vaksin kan vaksin nak buat macam mana ni [ini] takda [tidak ada] takda [tidak ada] (sambil ketawa) tak [tidak] vaksin lagi, cikgu ingat lagi macam mana vaksin v-a-k-s-i-n, V ialah virus yang telah dilemahkan, V ye [iya] V (sambil membuat bentuk V), V daripada vaksin, v-a-k-s-i-n, V vaksin, V virus ,virus yang telah dilemahkan, anak panah naik atas K, anak panah menunjukkan K merangsang, K kelenjar limfa, A mengeluarkan antibodi haa (sambil ketawa) contoh lagi keimunan pasif p-a-s-i-f, S adalah susu, S susu, banyaklah nak cerita dalam ni [ini] tak boleh nanti nak cerita macam-macam ha (sambil ketawa) sebab tu [itu] jadi seronok sebab pelajar ni [ini] dia belajar cara berlainan kan budak cerdik pakai buku pun okay dah tapi pelajar yang lemah kena tengok gambar, bentuk lain.

AA dan MH: Haah betul (sambil menganggukkan kepala)

BAHAGIAN F: HARAPAN DAN NASIHAT

MH: Akhir sekali, saya akan bertanya tentang harapan dan nasihat Tuan. Apakah harapan dan nasihat Tuan kepada generasi pendidik yang akan datang dalam mendidik dan membentuk sahsiah pelajar?

HH: Okay. Untuk bakal-bakal guru lah, secara mudahnya mesti kreatif. Itu saja. Sebab tugas guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, haa ini saya nak cerita ni, kalau sekadar menyampaikan ilmu boleh baca buku tak ada masalah. Haa kalau nak sampaikan ilmu boleh baca buku. Tapi yang...tugas cikgu, skill [kemahiran], art [seni] macam mana nak menyampaikan ilmu untuk pelajar yang lemah. Budak cerdik dia boleh baca buku, tak ada masalah.

AA & MH: (mengangguk-angguk)

HH: Tapi budak yang lemah, sederhana. Dia cara biasa dia tak boleh pergi. Cara baca buku dia rasa penat, tidak menarik. Haa jadi dia kena tukar benda yang sama tapi dalam bentuk yang berlainan. Haa sebab tu kita kata pelbagaikan, mempelbagaikan kaedah mengajar, itu tugas cikgu sebenarnya. Sebab tu adanya latihan selama empat tahun nak jadi cikgu. Kalau sekadar suruh baca buku, cerita buku tak perlu empat tahun. Sebulan pun cukup, bagi buku baca.

AA & MH: (mengangguk-angguk)

HH: Nak latih skill [kemahiran] dia tu. Cikgu bagi contoh yang paling mudah lah dalam ceramah saya, kita cikgu ni [ini] macam doktor. Mudah je. Tengok doktor, dia tahu untuk... untuk baik sakit ini mesti makan ubat X contoh, mudah je. X, semua tahu, X, baca, doktor suruh baca X tapi pesakit yang biasa, bila dengar arahan tu doktor, nganga mulut pastu kira pil telan X. Pesakit tak sama. Yang ni [ini] pulak pesakit yang...pesakit yang tak boleh duduk...tak boleh duduk diam. Dia mengamuk. Maka ikat kaki, ikat tangan, takbuh [tak nak] buka mulut, bancuh dalam air, masuk ikut drip [titisan].

AA & MH: Haah [ya] (mengangguk)(ketawa)

HH: Masuk jugak. (ketawa) betul tak?

AA: Betul.

- HH: Jadi yang pentingnya --- buwi [bagi] contoh yang lain lagi lah. Banyak lagi contoh yang lain kan. Okay?
- MH: Okay. (serentak)
- HH: Yang pentingnya kepelbagaian kaedah.
- AA & MH: Betul (mengangguk)
- HH: Itu yang saya kata mesti ada kreativiti. Macam sekarang saya tengok lah, saya biasa share [kongsi] dengan cikgu-cikgu --- berbanding dengan kami dahulu, ya Allah, banyaknya kemudahan sekarang.
- AA & MH: (mengangguk setuju)
- HH: Google, cikgu Google, saya panggil cikgu C-G, C-G-G-G, cikgu Google.
- AA & MH: Cikgu Google.
- HH: sebab kalau dalam group saya panggil C-G-G-G. cikgu Google.
- AA & MH: (ketawa)
- HH: Nak ajar apa? Experiment [eskperimen]? Taip je experiment [eskperimen] apa.
- AA & MH: Betul (mengangguk)
- HH: Ini tak ada masalah. Ilmu untuk cari. Jadi sekarang ni [ini] cukup banyak, dulu kita kena buat experiment [eskperimen], sekarang ni [ini] dalam Google pun boleh, tapi bila pembelajaran melalui macam ni [ini] kan, jadi cikgu kena cari lah, kena kerja lah sikit. Kena cari mana-mana link [pautan] cukup banyak. Saya biasa hantar dekat cikgu-cikgu. Ni cikgu, dia tanya “cikgu, macam mana nak mengajar ni [ini] kelas praktikal tak boleh buat ni [ini]? Tak boleh bersemuka, nak buat macam mana praktikal?”, saya tolong cari amali dia. “Oh, terima kasih cikgu”, bila dia ucap terima kasih, saya kata apa dalam hati, “Ya Allah cikgu ni [ini] malas betul.” (ketawa)
- AA & MH: (ketawa)
- HH: Carilah!
- MH: Betul (mengangguk)

HH: Minta maaf eh [ya]. Bukan semua cikgu la ni [ini]. (ketawa)

AA & MH: (ketawa)

HH: Haa okay sebab tu sekarang ni [ini] cukup mudah lah. Haa cukup mudah. Haa cukup mudah. Hanya keberkesanan belajar mesti berdepan dengan cikgu lah, face-to-face [bersemuka]. Okay itu kita tak nafi lah. Nak cerita sikit penyediaan bahan, mencari bahan yang lebih mudah berbanding dengan zaman saya lah.

MH: Okay (mengangguk). Kedua, apakah cita-cita cikgu yang belum tercapai dan ingin dicapai oleh cikgu?

HH: (ketawa) Saya berasa cita-cita... semua cita-cita saya telah tercapai lah. (ketawa)

MH: Alhamdulillah.

HH: Saya tak terkilan lah kalau mati pun.

AA & MH: (ketawa kecil)

HH: Hanya untuk saya, dalam sisa-sisa usia ni [ini] saya masih buat bahan-bahan pembelajaran dalam bentuk Powerpoint eh [ya], Powerpoint lah, dan saya bila siap saya akan hantar ke group [kumpulan] saya supaya mereka boleh guna terus, tak ada masalah. Sebab itu lah saya berharap boleh teruskan kerja-kerja ni [ini] lah sebagaimana selagi Allah kurniakan kesihatan yang baik.

MH: InsyaAllah.

AA: Amin.

MH: Okay. Ketiga, apakah yang telah mendorong dan memotivasikan cikgu untuk berjaya seperti sekarang?

HH: Macam saya kata yang paling penting kita *ni* [ini] mesti banyak ingatkan kejayaan dunia dan akhirat lah. Jadi bila kita ingat benda macam tu [itu] kan, haa jadi yang pentingnya apa yang kita buat ini Allah reda atas usaha yang... Allah reda. Setakat ni [ini] saya rasa takde [tidak ada] yang... benda yang salah lah kan? Takde [tidak ada] benda yang salah. Kita harap Allah terima jelah [sahaja lah], kita ikhlas kan lah dan kita kena banyak berdoa semoga Allah beri lagi idea-idea yang mungkin belum lagi diberi. Banyak sebenarnya benda-benda

yang baru kita dapat sebenarnya yang dulu kita tak dapat (ketawa) saya dapat benda yang baru ni [ini] saya terus pass [beri] kepada guru-guru lah.

MH: Insyallah. Tersebut merupakan nasihat dan dorongan yang sangat berguna untuk generasi pendidik dan pelajar untuk menjadikan masyarakat Malaysia berfikiran saintifik dalam menuju negara maju dan berteknologi tinggi. Baiklah, ada apa-apa lagi yang ingin cikgu tambahkan?

HH: Saya takde [tidak ada] apa nak tambah lah. Hanya saya ucapkan kepada dua-dua anak murid cikgu ni [ini], Nurul Mahirah dan juga Nur Alia, teruskan... apa benda ni [ini] belajar lah, haa belajar untuk menjadi orang yang terbaik. Tak kisah lah bidang apa sekali yang kita ceburi, kena niat apa bidang yang kita ceburi mesti jadi yang terbaik sebab kita nak kejayaan kita dunia dan akhirat. Itulah.

MH: Okay terima kasih Tuan. Kalau begitu, saya serahkan kepada Nur Alia Tasnim untuk menutup temubual kita.

PENUTUP

AA: Okay baik.

AA: Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan Tuan Haji Hamzah Bin Othman sepanjang beliau berkhidmat sebagai Guru Cemerlang Sains Gred Khas C. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Tuan dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sains dan pendidikan bagi para pendidik pada masa akan datang. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

HH: Terima kasih, sama-sama.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Nurul Mahirah Binti Abdullah dan Nur Alia Tasnim Binti Mohd Nawi telah menemubual Tuan Haji Hamzah Bin Othman, yang dilahirkan pada tahun 1956, di Kuala Terengganu. Temubual ini dijalankan menggunakan platform Google Meet pada 24 Jun 2021 pada jam 9:20 pagi, mengenai mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan beliau dalam bidang Pendidikan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.00	Sesi pengenalan	Nurul Mahirah Binti Abdullah. Nur Alia Tasnim Binti Mohd Nawi. Tuan Haji Hamzah Bin Othman.
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG		
1.55	Sesi pengenalan diri Tuan Haji Hamzah Bin Othman	Tuan Haji Hamzah Bin Othman. Kampung Tok Hakin Padang. Midin, Kuala Terengganu. Pesara guru.
2.51	Menceritakan tentang ibu-bapa dan adik-beradik	Fatimah Binti Salleh. Othman Bin Saman. Penoreh getah. Bidan kampung. 6 orang adik-beradik.
3.42		Hasmah Binti Muhamad.

	Menceritakan tentang isteri dan anak-anak	Pesara kerana sekolah. 6 orang anak, 3 lelaki dan 3 tiga perempuan. Anak perempuan bekerja sebagai guru. Anak lelaki jurusan kejuruteraan.
4.47	Tempat dilahirkan	Kampung Titian Baru, Kuala Terengganu.
BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN		
5.07	Pendidikan semasa peringkat sekolah rendah dan menengah	Sekolah Kebangsaan Binjai, Kemaman. Sekolah Menengah Kebangsaan Chukai, Kemaman. Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah.
6.28	Subjek kegemaran semasa di sekolah	Ilmu sains. Ilmu matematik.
7.16	Pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Sistem agregat. 150 orang pelajar terbaik Malaysia. Batch pertama Matrikulasi Malaysia.
8.30	Penglibatan kelab dan persatuan semasa sekolah menengah	Sekolah asrama penuh. Tidak begitu menonjol.

9.19	Menceritakan semasa berada di universiti	Batch pertama Matrikulasi Malaysia. UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia). Sijil Matrikulasi.
11.06	Jurusan yang diambil semasa di universiti	Biologi. Kimia. Bidang genetik.
11.33	Perkara yang mendorong untuk menyambung pelajaran ke peringkat universiti	Orang kampung. Binjai Kemaman. Contoh model kepada anak kampung.
12.25	Sebab mengapa memilih jurusan biologi dan kimia	Satu bidang yang sangat dekat dengan manusia.
13.19	Keputusan akademik yang diperolehi semasa di universiti	Ijazah AM. Pelajar cemerlang Malaysia. Lulus dengan kepujian.
14.59	Penglibatan dalam sukan, uniform dan kelab semasa di universiti	Tidak aktif. Kurang menonjol.
15.30	Kenangan yang tidak boleh dilupakan semasa di universiti	Bidang biologi. Field trip.
16.17		

	Mengikuti mana-mana kursus professional sepanjang di universiti	Tidak banyak tawarkan kursus-kursus professional. Seminar. Kolokium. Penceramah jemputan antarabangsa.
16.48	Suasana dan pengalaman pembelajaran di universiti	Tradisional. Chalk and talk. OHP (Overhead Peoprojector).
17.34	Perbezaan kaedah pengajaran dan pembelajaran semasa di universiti dulu	Sangat jauh berbeza. Tradisional.
17.55	Pensyarah yang paling digemari Ketika di universiti	Lembah pantai. Professor Tan Sri Zakri Abdul Hamid. Penasihat Sains kepada Perdana Menteri. Ahli Lembaga Pengarah. Penasihat Sains pada Bank. Pembangunan Islam Dunia.
19.51	Kemudahan seperti kantin, kafe, makmal dan perpustakaan pada masa zaman belajar dulu	Tiada kantin. Tiada kafe. Keluarga miskin. Brunch (breakfast plus lunch). Universiti Malaya. Masjid Abdul Rahman. Diploma Pendidikan.

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA

24.31	Sejarah kerjaya awal setelah tamat pengajian di universiti	<p>Guru. Sekolah Menengah Tun Telanai, Marang, Terengganu. Guru Penoloh D2. Pegawai Pendidikan. Sekolah Menengah Sultan Mansor, Kuala Terengganu. Penolong Kanan 1. Dinaikkan pangkat sebagai Guru Cemerlang Sains. Dinaikkan pangkat sebagai guru DG54. Dinaikkan pangkat sebagai Guru Gred Khas C.</p>
26.15	Mengapa memilih bekerja di Sekolah Tun Telanai	<p>Tidak memilih. Pekan Titian Baru Kedai Buluh, Kuala Terengganu.</p>
26.53	Galakan dan dorongan keluarga atau rakan-rakan berkenaan dengan pekerjaan yang dipilih	<p>Tawaran biasiswa (JPA, perguruan, Kementerian Pendidikan). Tan Sri Zakri. Jerman.</p>
29.05	Pengalaman kerjaya sebagai seorang pendidik	<p>Ijazah AM. UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia). Professor penuh.</p>

		Jusa C. Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia.
35.05	Subjek pelajaran yang diajar semasa di sekolah	Biologi. Sains.
35.24	Mengapa memilih untuk mengajar mata pelajaran dalam bidang sains	Sains berkait dengan kehidupan.
36.13	Prinsip yang dipegang sebagai bergelar seorang pendidik	Berkongsi ilmu. Memberi contoh yang baik.
37.12	Bagaimana rakan-rakan sekerja semasa bekerja	Sekolah Menengah Sultan Mansor. Team pecutan kognitif. Program Pecutan Kognitif. King College of Education, London. York University, United Kingdom. Professor Philip Adey. College University of London.
40.56	Cabaran yang dihadapi sepanjang bekerja sebagai seorang guru	Karenah pelajar. Peranan guru dalam menyelesaikan masalah pelajar.
42.52	Tarikh bersara	Pencen: 31 Okt 2010. Jawatan Jusa C.

		Batch pertama Jusa C.
44.54	Kenangan manis semasa mengajar di Sekolah Tun Telanai dan Sekolah Sultan Mansor	<p>Sekolah Tun Telanai.</p> <p>Pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan.</p> <p>Pameran sains anjuran ESSO.</p> <p>Sekolah Sultan Mansor.</p> <p>Pertandingan cabaran BP syarikat minyak.</p> <p>Pertandingan puisi sains mewakili Negeri Terengganu.</p> <p>Skrip drama.</p> <p>Puan Habsah Hassan.</p> <p>Puan Normah Nordin.</p>
BAHAGIAN D: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN		
49.31	Menceritakan tentang anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dimenangi	<p>Anugerah Guru Inovatif.</p> <p>Anugerah Inovatif Kementerian Pendidikan.</p> <p>Program Pecutan Kognitif.</p>
52.41	Siapa yang menganugerahkan Anugerah Inovatif	<p>Pengarah Menteri Pendidikan.</p> <p>Dato' Seri Hishammuddin Hussein.</p>
53.33	Kriteria bagi menerima Anugerah Inovatif	<p>Pecutan Kognitif.</p> <p>Idea baru yang tulen.</p> <p>Sekolah Menengah Sultan Mansor.</p>

56.38	Hadiah yang diperolehi bagi Anugerah Inovatif Kementerian Pendidikan	Lebih kurang RM1,000 atau RM2,000.
57.10	Menceritakan tentang anugerah Kategori Guru Inovatif peringkat Negeri Terengganu yang dimenangi selama tujuh kali	Membuat bahan-bahan kreatif. Nazir (Nazir Sekolah di Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia). Pusat Perkembangan. Kurikulum.
1.03.39	Hadiah yang diperolehi bagi Anugerah Kategori Guru Inovatif bagi Peringkat Negeri Terengganu	RM1,000.
1.03.59	Persaingan untuk mendapatkan Anugerah Kategori Guru Inovatif bagi Peringkat Negeri Terengganu	Persaingan tidak hebat. Dato' Rahim.
1.06.10	Menceritakan tentang Tokoh Guru Terengganu 2017 yang telah dimenangi	Tokoh guru peringkat PPD Kuala Terengganu dan Kuala Nerus 2016. Tokoh guru Negeri Terengganu 2017.
1.08.12	Siapa yang menganugerahkan anugerah bagi Tokoh Guru Terengganu 2017	Menteri Besar Terengganu. Dato' Razif.

1.08.28	Hadiah yang diperolehi bagi Tokoh Guru Terengganu 2017	Wang tunai RM6,000. Plak. Medal. Tafsir Quran. Sepersalinan baju. Tiket mengerjakan umrah.
1.09.30	Menceritakan tentang Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2018	Penilai iaitu bahagian nazir (Nazir Sekolah di Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia). Port Dickson.
1.14.20	Kriteria menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2018	Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran. PICC, Putrajaya.
1.15.28	Hadiah yang diperolehi bagi Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2018	Wang tunai RM30,000. Anugerah-anugerah iringan.
1.16.57	Menceritakan tentang pencapaian dilantik dan dinobatkan Anugerah Guru Cemerlang Sains Gred Khas C	Sarawak. Yayasan Sarawak. Johor. Yayasan Johor. Kerajaan Negeri Terengganu.
1.20.02		Penyampaian watikah Jusa C.

	Tahun berapa dan dimana menerima Anugerah Guru Cemerlang Sains Gred Khas C	Kementerian di Kuala Lumpur. Anugerah Jusa C. Duta Malaysia ke Bolivia. Ketua Setiausaha Kerajaan Malaysia. Pemegang urus satu. Jawatan Awam Malaysia.
1.23.17	Kriteria bagi menerima Anugerah Guru Cemerlang Sains Gred Khas C	Cemerlang. Dinilai sebanyak 13 tapisan.
1.24.51	Hadiah dan sumbangan yang diperolehi bagi pencapaian sebagai Guru Cemerlang Sains Gred Khas C	Wang tunai RM45,000. Sijil. Plak. IPG (Institut Persatuan Guru). UTM. UiTM. UPSI. Yayasan Tun Hussein Onn. Bank Islam.
1.28.36	Apa yang mendorong untuk menjadi Guru Cemerlang Sains Gred Khas C	Amalan. Dr. Fadzilah Kamsah. Makkah. Pecutan Kognitif.
1.34.59	Mengapa memilih menjadi guru cemerlang dalam bidang sains	Sains satu kehidupan.

1.41.43	Perasaan apabila menerima kesemua anugerah tersebut	Syukur. BPR. Unit Perancang Ekonomi, tajaan Kerajaan Malaysia.
BAHAGIAN E: SUMBANGAN		
1.47.35	Sumbangan dalam bidang keguruan dan pembangunan sekolah	Seminar dengan pelajar, guru dan bakal guru. Buku PAK 21 (Pembelajaran Abad ke-21). Puisi sains.
1.54.06	Sumbangan dalam bidang kokurikulum	Jurulatih olahraga dan bola sepak. Sekolah Menengah Tun Telanai. PPD Kuala Terengganu. Sekolah Sultan Mansor. Pasukan belia Kampung Padang Midin.
1.56.23	Sumbangan selepas bersara	Menjaga surau Nur Yakin. Berkebun.
1.58.04	Melibatkan diri dalam bidang penulisan	Menulis buku nota KSSM tingkatan 4 dan 5. Cikgu Zarina.
2.00.46		Pecutan kognitif.

	Penghasilan kaedah pecutan kognitif sains	UK (United Kingdom). Projek CASE (Cognitive Acceleration through Science Education). SBP (Sekolah Berasrama Penuh). MRSM Maktab Rendah Sains Mara). Sekolah Menengah Sultan Mansor. Gamedia.
2.04.28	Perasaan apabila sumbangan tersebut dapat diguna pakai sehingga kini oleh guru dan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ujian bertulis Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)	Syukur. Seronok. Bangga.
2.06.19	Mewakili Malaysia bagi lawatan sambil belajar di Jepun pada 1997	Kursus di Reccsam, Penang International course. UK (United Kingdom). Jepun.
2.10.16	Pengalaman sebagai penilai buku teks sains tingkatan 5 dan penggubal soalan sains SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)	Satu benda yang menarik. Dipilih oleh Lembaga Peperiksaan.
2.13.46	Pengalaman dalam menyertai Program Peningkatan Pendidikan sains – Teknik Ingat Secara Kreatif – Sains Itu Mudah	ICK (Ingat Cara Kreatif). RTM (Radio Televisyen Malaysia).

	Anjuran RTM – Selamat Pagi Malaysia	
BAHAGIAN F: HARAPAN DAN NASIHAT		
2.18.24	Harapan dan nasihat kepada generasi pendidik yang akan datang dalam mendidik dan membentuk sahsiah pelajar	Kreatif. Mempelbagaikan kaedah mengajar. Ada kreativiti.
2.24.00	Apa yang mendorong dan memotivasikan untuk berjaya seperti sekarang	Ingat kejayaan dunia akhirat. Banyak berdoa.
2.25.55	Sesi penutupan	

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
4:06 PM	12 April 2021	<p>Kami diberi penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai Oral History dan Puan Nurulannisa memberitahu tajuk kajian lisan pada tahun ini ialah local content di Pantai Timur.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan dan Puan Nurulannisa menyuruh setiap kumpulan memikirkan tokoh untuk menemubual.</p>	<p>Kami membuat catatan tentang kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu di lakukan.</p> <p>Menentukan ahli kumpulan.</p>
4:05 PM	19 April 2021	Membuat carian di Google mengenai Tokoh Maal Hijrah dan juga Tokoh NGO Antarabangsa.	Kami memilih Datuk Dr Mustapha Ahmad Merican sebagai Tokoh NGO Antarabangsa dan juga penerima Anugerah Utama Semarak Cinta Rasul 1442H/2020M.
2:43 PM	24 April 2021	Mengusulkan Tokoh NGO Antarabangsa tersebut kepada Puan Nurulannisa.	Mendapat persetujuan daripada Pensyarah, Puan Nurulannisa.
5:07 PM	27 April 2021	Surat Penyelidikan untuk menemubual tokoh.	Kami menerima surat penyelidikan daripada Puan Nurulannisa.
11:14 AM	30 April 2021	Menghubungi Datuk Dr Mustapha Ahmad Merican untuk bertanyakan kesudian beliau ditemubual.	Kami tidak menerima maklum balas daripada beliau.

10:11 PM	4 May 2021	Membuat carian di Google mengenai Tokoh Guru Kebangsaan.	Kami memilih Haji Hamzah Othman, penerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2018 dan juga beliau merupakan pesara Guru Cemerlang Sains Gred Khas C.
4:09 PM	5 May 2021	Mengusulkan tokoh Guru Kebangsaan 2018 tersebut kepada Puan Nurulannisa.	Mendapat persetujuan daripada Pensyarah, Puan Nurulannisa.
9:50 AM	8 May 2021	Menghubungi Haji Hamzah Othman untuk bertanyakan kesudian beliau ditemubual.	Kami menerima persetujuan untuk ditemubual.
3:15 PM	20 May 2021	Menghantar soalan yang akan ditanyakan kepada Haji Hamzah Othman kepada Puan Nurulannisa.	Kami perlu memperbetulkan soalan.
10:00 AM	10 Jun 2021	Sesi Google Meet bersama Puan Nurulannisa mengenai soalan yang akan ditanyakan kepada Haji Hamzah Othman.	Kami berbincang dan memperbetulkan soalan.
2:40 PM	15 Jun 2021	Menunjukkan soalan kepada Puan Nurulannisa.	Kami perlu membaiki soalan dengan mencampurkan kedua soalan direct dan jenis penceritaan untuk lebih banyak interaksi.
11:23 AM	17 Jun 2021	Menunjukkan semula soalan yang telah dibaiki kepada Puan Nurulannisa.	Soalan kami diluluskan oleh pensyarah, Puan Nurulannisa.
4:01 PM	22 Jun 2021	Menghubungi Haji Hamzah Othman untuk mendapatkan tarikh temubual dan menghantar senarai soalan yang akan ditanya.	Kami menerima tarikh temubual yang telah ditetapkan oleh beliau.

9:20 AM	24 Jun 2021	Temubual atas talian bersama Haji Hamzah Othman menggunakan Google Meet.	Temubual bermula.
11:49 AM	24 Jun 2021	Temubual selesai.	Kami berterima kasih kepada Haji Hamzah Othman kerana sudi meluangkan masa bersama kami.

SENARAI SOALAN

PENGENALAN:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Tuan Haji Hamzah Bin Othman yang merupakan seorang Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2018 dan juga Guru Cemerlang Sains Gred Khas C. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Jun 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 3 petang menggunakan platform Google Meeting. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Mahirah Binti Abdullah dan Nur Alia Tasnim Binti Mohd Nawi. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

BAHAGIAN A. LATAR BELAKANG

1. Bolehkah cikgu perkenalkan diri cikgu?
2. Apa nama penuh cikgu?
3. Berapa umur cikgu?
4. Bilakah tarikh lahir cikgu?
5. Dimanakah tempat lahir cikgu?
6. Dimanakah tempat tinggal cikgu?
7. Apakah pekerjaan dan jawatan cikgu?
8. Bolehkah cikgu ceritakan tentang ibu bapa dan adik-beradik cikgu?
9. Berapa bilangan ahli keluarga cikgu?
10. Berapa bilangan adik beradik cikgu?
11. Cikgu merupakan anak ke berapa?
12. Apakah pekerjaan ibu bapa cikgu?
13. Bolehkah cikgu ceritakan tentang isteri dan anak-anak cikgu?
14. Boleh ke kami tahu apa pekerjaan anak-anak cikgu?

BAHAGIAN B. SEJARAH PENDIDIKAN

1. Boleh cikgu ceritakan tentang Pendidikan kanak-kanak cikgu?
2. Pada umur berapa cikgu memulakan Pendidikan kanak-kanak cikgu?
3. Boleh cikgu ceritakan semasa cikgu bersekolah rendah?
4. Boleh cikgu ceritakan semasa cikgu bersekolah menengah?
5. Apakah subjek kegemaran cikgu semasa disekolah?
6. Apakah pencapaian bagi Sijil Pelajaran Malaysia cikgu?
7. Apakah pencapaian yang diterima cikgu semasa sekolah menengah?
8. Bagaimanakah penglibatan cikgu semasa sekolah menengah?
9. Boleh cikgu ceritakan semasa cikgu berada di Universiti?
10. Dimanakah cikgu menyambung pelajaran selepas tamat sekolah menengah?
11. Apakah jurusan/kursus yang diambil?
12. Apakah yang mendorong cikgu menyambung pelajaran peringkat Universiti?
13. Mengapakah cikgu memilih jurusan tersebut?
14. Apakah keputusan akademik yang diperolehi cikgu semasa di Universiti?
15. Apakah pencapaian yang diterima oleh cikgu semasa Universiti?
16. Bagaimana penglibatan cikgu dalam sukan, uniform, dan kelab semasa di Universiti?
17. Apakah kenangan yang tidak boleh dilupakan cikgu semasa di Universiti?
18. Ada tak cikgu pernah mengikuti kursus-kursus professional sepanjang di Universiti?
19. Boleh cikgu ceritakan pengalaman pembelajaran di Universiti pada tahun itu?
20. Bagaimana suasana pembelajaran (keadaan, bangunan dan kemudahan) ketika itu?
21. Apakah kemudahan yang ada (kantin, gerai, kafe, makmal, perpustakaan, rekreasi dsb)?
22. Bagaimana kaedah pengajaran dan pembelajaran semasa di Universiti dulu?

23. Adakah terdapat perbezaan dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran dahulu dan sekarang?

24. Siapakah pensyarah yang paling digemari ketika di Universiti? Dan mengapa cikgu memilih beliau sebagai pensyarah yang paling digemari?

BAHAGIAN C. PENGALAMAN KERJAYA

1. Boleh cikgu ceritakan sejarah kerjaya awal cikgu setelah tamat pengajian?
2. Boleh cikgu ceritakan pengalaman kerjaya cikgu sebagai seorang pendidik?
3. Dimanakah sekolah pertama dan tahun bilakah cikgu mula mengajar?
4. Apakah subjek pelajaran yang diajar?
5. Apa jawatan yang digalas sepanjang bergelar seorang pendidik?
6. Apakah prinsip yang dipegang oleh cikgu sebagai seorang pendidik?
7. Berapa buah sekolah cikgu telah berkhidmat sepanjang menjadi seorang pendidik?
8. Apakah kenangan manis cikgu semasa mengajar di sekolah-sekolah tersebut?
9. Bagaimana rakan-rakan sekerja semasa cikgu bekerja?
10. Apakah cabaran yang dihadapi oleh cikgu sepanjang tempoh pekerjaan?
11. Berapakah tempoh cikgu berkhidmat sebagai seorang pendidik (Tahun)?
12. Bilakah cikgu bersara?
13. Dimanakah sekolah terakhir cikgu berkhidmat sebelum bersara?
14. Mengapa Tuan Haji memilih untuk bersara pada tahun tersebut?

BAHAGIAN D. ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

1. Boleh cikgu ceritakan tentang Anugerah Inovatif Kementerian Pendidikan yang cikgu terima?
2. Siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut?
3. Apakah kriteria bagi menerima anugerah tersebut?
4. Bagaimana persaingan untuk mendapatkan anugerah tersebut?
5. Apakah hadiah yang diperolehi cikgu bagi Anugerah Inovatif Kementerian Pendidikan? (wang/plak, pingat dan sijil penganugerahan)
6. Boleh cikgu ceritakan tentang Anugerah Kategori Guru Inovatif Terengganu yang dimenangi oleh cikgu selama tujuh kali tersebut?
7. Siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut?
8. Apakah kriteria bagi menerima anugerah tersebut?
9. Bagaimana persaingan untuk mendapatkan anugerah tersebut?
10. Apakah hadiah yang diperolehi cikgu bagi Anugerah Kategori Guru Inovatif Terengganu? (wang/plak, pingat dan sijil penganugerahan)
11. Boleh cikgu ceritakan tentang Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2018 tersebut?
12. Siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut?
13. Apakah kriteria bagi menerima anugerah tersebut?
14. Bagaimana persaingan untuk mendapatkan anugerah tersebut?
15. Apakah hadiah yang diperolehi cikgu bagi Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2018? (wang/plak, pingat dan sijil penganugerahan)
16. Boleh cikgu ceritakan tentang Tokoh Guru Terengganu 2017 yang dimenangi oleh cikgu?
17. Siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut?
18. Apakah kriteria bagi menerima anugerah tersebut?
19. Bagaimana persaingan untuk mendapatkan anugerah tersebut?

20. Apakah hadiah yang diperolehi cikgu bagi Tokoh Guru Terengganu 2017? (wang tunai RM6,000, plak, medal, tafsir al-Quran, sijil dan sepersalinan baju Melayu)
21. Boleh cikgu ceritakan tentang pencapaian cikgu sebagai Guru Cemerlang Sains Gred Khas C?
22. Siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut?
23. Apakah kriteria bagi menerima anugerah tersebut?
24. Bagaimana pesaingan untuk mendapatkan anugerah tersebut?
25. Apakah hadiah yang diperolehi cikgu bagi pencapaian cikgu sebagai Guru Cemerlang Sains Gred Khas C? (wang/plak, pingat dan sijil penganugerahan)
26. Apakah yang mendorong cikgu menjadi Guru Cemerlang Gred Khas C?
27. Boleh kami tahu anugerah lain yang diperolehi cikgu selain daripada anugerah tersebut?
28. Apakah perasaan cikgu apabila menerima kesemua anugerah tersebut?

BAHAGIAN E. SUMBANGAN DAN HARAPAN

1. Bolehkah cikgu ceritakan sumbangan Tuan dalam bidang keguruan dan pembangunan sekolah?
2. Apakah sumbangan cikgu dalam bidang kokurikulum?
3. Apakah sumbangan cikgu selepas bersara?
4. Adakah Tuan ada melibatkan diri dalam bidang penulisan, penerbitan atau penyelidikan?
5. Apakah sumbangan dari segi penerbitan atau penyelidikan cikgu?
6. Bagaimanakah Tuan menghasilkan kaedah Pecutan Kognitif Sains?
7. Apakah perasaan Tuan apabila sumbangan tersebut dapat diguna pakai sehingga kini oleh guru dan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia [SPM] dan ujian bertulis Pentaksiran Tingkatan 3 [PT3]?

8. Boleh cikgu ceritakan macam mana cikgu mewakili Malaysia bagi lawatan sambil belajar di Jepun pada Sembilan belas Sembilan puluh tujuh [1997]?
9. Boleh cikgu ceritakan pengalaman cikgu sebagai penilai buku teks sains tingkatan lima dan pengubal soalan sains SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]?
10. Boleh cikgu ceritakan pengalaman cikgu dalam menyertai Program Peningkatan Pendidikan sains - Teknik Ingat Secara Kreatif – Sains Itu Mudah Anjuran RTM - Selamat Pagi Malaysia?

BAHAGIAN F. HARAPAN

1. Apakah harapan dan nasihat cikgu kepada generasi pendidik yang akan datang dalam mendidik dan membentuk sahsiah pelajar?
2. Apakah cita-cita cikgu yang belum tercapai dan ingin dicapai oleh cikgu?
3. Apakah yang mendorong dan memotivasikan cikgu untuk menjadi diri cikgu yang sekarang?

BAHAGIAN PENUTUP

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan Tuan Haji Hamzah Bin Othman sepanjang berkhidmat sebagai Guru Cemerlang Sains Gred Khas C. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sains dan pendidikan bagi para pendidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

SENARAI GAMBAR



(Haji Hamzah Othman bersama isteri, anak menantu dan cucunya)



(Hamzah Othman terpilih sebagai Tokoh Guru Terengganu 2017)



(Hamzah dinobatkan Tokoh Guru Kebangsaan 2018)

PA-21

PEMBELAJARAN ABAB KE-21

**MIDDLE YEARS PROGRAMME
INTERNATIONAL BACCALAUREATE (MYP IB)**

// TOOLKIT //

EDISI PECLUTAN KOGNITIF @ EDISI PENGENALAN @ Vapour Edition *
CIRI-CIRI GURU : MYP IB (PA-21)

- i. Menekankan pendekatan inkuiri dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP)
- ii. Menggunakan pelbagai strategi PdP berasaskan IB TOOLKIT.
- iii. Mempunyai ciri 10 Profil Murid
- iv. Mengajar berpusatkan murid dan berperanan sebagai pemudahcara.

CIRI-CIRI MURID :
MYP IB (PA-21)

- 1 : PEMIKIR (THINKERS)
- 2 : REFLEKTIF (REFLECTIVE)
- 3 : BERSIFAT INGIN TAHU (INQUIRERS)
- 4 : BERPRINSIP (PRINCIPLED)
- 5 : BERSPRIHATIN (CARING)
- 6 : BUAK BERKOMUNIKASI (COMMUNICATORS)
- 7 : SEIMBANG (BALANCED)
- 8 : PENGAMBIL RISIKO (RISK-TAKERS)
- 9 : BERFIKIRAN TERBUKA (OPEN MINDED)
- 10 : BERPENGETAHUAN (KNOWLEDGEABLE)

HAMZAH BIN OTHMAN
Mentor Guru Cemerlang Sains Grad Kelas C
013 930 2955

Email : oghamzah_othman@yahoo.com
BSN Garoh : +111 00 41000 144 878
BIMB : +1301 7020 858 660
CIMB : +1311 000 875 2208
MAYBANK : +1130 1518 5560 (HASMAH BINTI MOHAMAD)

1493 Kg. Tok Hakim, Padang Mدين
21400 Kuala Terengganu.

**MURID BERBUAT
GURU MEMBIMBING (MBGM)**

Tempoh Seminar : 12 JAM

Pilihan 1 : 2 HARI 1 MALAM
Hari Pertama : 8am-12am / 3- 6pm / 8-10pm
Hari Kedua : 8am-12am

Pilihan 2 : 2 HARI
Hari Pertama : 8am-12am / 2- 6pm
Hari Kedua : 8am-12am / 2- 6pm
Kos : RM150 seorang.
Ilustrasi mendapat media, CD program dan toolkit
(Tidak termasuk Makanan Dan Pengangkutan Peserta)

(Buku Pembelajaran Abab Ke-21)

97

Pecutan Kognitif FASA 1
JANUARI ~ JUN

Literasi Sains 2018

KAPPAS @ **HAMPA'S**
Kemahiran Aplikasi Asas Sains Hampa dan Hampas

SAINS SPM 1511

APA? → **KBAT** → BAGAIMANA?

THEOREM	PYTHAGORAS	PERSEPSI KOGNITIF
$C^2 = A^2 + B^2$		

Jutaan Terima Kasih

Tajaan: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Kerajaan Malaysia.
Kerjasama: Persatuan Bekas-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia
Cawangan Kuala Terengganu.

* Anak Yatim PERCUMA *

HAMZAH BIN OTHMAN
Mentor Guru Cembayang Sains (Sains) AKA C
013 930 2955

Timbalan: hamzah@youthsains.com
BINA CARI: 013 00 41000 144 878
BINA: 1301 7020 888 890
CARI: 1371 882 875 2206
MAYBANA: 1130 1518 5500 (HADIMAH BINTI MOHAMMAD)

1403 Kg. Tok Hakin, Padang Mudi
21400 Kuala Terengganu.

RM 25.00

(Bahan program 'Pecutan Kognitif')

Pecutan Kognitif FASA 2
JULAI ~ NOVEMBER

e xpress - Ulangkaji 2018

AYAM-T @ **T-MAYA**
Apa Yang Anda Mesti Tahu Target Hanya Fantasi

SAINS PT3

APA? → **KBAT** → BAGAIMANA?

ERTI KELENGKAPAN DALAM SEBUAH PEMBELAJARAN

PENGIK	Berani mencuba
PENDAR	Belajar melalui kestajipan
DRAPUK	Tajamkap fikiran
LOMB PAPER	Keupayaan kestajipan
PIK	Kelakapan melawat
PROBILUT PIK	Intarakan kelestarian
PROBARTIN	Faktor dan sudut berbeza (ISAT)
PENDAR	Tempat macam mana jawapan
KALKULATOR	Itimam saat kelayaan menentang
PIK WARNA WARNA	Mertakanya komunikasi
	Persepsi Berkeadilan
	Moga demokrasikan
	Intarakan. Bina

Jutaan Terima Kasih

Tajaan: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Kerajaan Malaysia.
Kerjasama: Persatuan Bekas-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia
Cawangan Kuala Terengganu.

HAMZAH BIN OTHMAN
Mentor Guru Cembayang Sains (Sains) AKA C
013 930 2955

Timbalan: hamzah@youthsains.com
BINA CARI: 013 00 41000 144 878
BINA: 1301 7020 888 890
CARI: 1371 882 875 2206
MAYBANA: 1130 1518 5500 (HADIMAH BINTI MOHAMMAD)

1403 Kg. Tok Hakin, Padang Mudi
21400 Kuala Terengganu.

RM 25.00

(Bahan program 'Pecutan Kognitif')



(Hamzah Othman mewakili Malaysia bagi lawatan sambil belajar di Jepun pada tahun 1997)



(Hamzah Othman dihantar kursus di King College of education, London dan juga ke York University, United Kingdom)



(Hamzah Othman bersama pelajarinya dalam pertandingan Sains anjuran Kementerian Pendidikan)



(Hamzah membawa alat bantu mengajar ketika rakaman rancangan pendidikan)

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya HAMIAH BIN OTHMAN K/P:/...../..... pada
.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Nama tokoh HAMIAH BIN OTHMAN
Tarikh:

.....
(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

INDEKS

INDEKS

A

Anugerah 4, 6, 10, 12, 13, 27, 31, 34, 35, 36,
38, 39, 40, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48,
49, 51, 52, 53, 61, 64, 70, 72, 77, 78,
79, 80, 81, 82, 85, 86, 89, 92, 93, 94,

Acceleration 29, 59, 83

Accelerate 29

Api 55, 56

Agregat 16, 73

Applicable 18, 35

Art 47, 66

B

Bidan 14,

Biasiswa 24, 76

Born 25

Batch 8, 17, 25, 31, 73, 74, 77

Biologi 18, 19, 22, 27, 74, 77

Belia 57, 82

Breakfast 21, 75

Brunch 21, 75

C

Cognitive 29, 59, 83

College 29, 77, 100

Copy 29

Cycling 57

Covid 49, 59

CASE 59, 83

Centralized 62,

Chalk and talk 20, 75

D

Doktor 24, 25, 66,

Dekan 25, 47

Day by day 29

Double 34

E

Engineering 15

Education 29, 59, 60, 77, 83, 100

Enjoy 30, 48,

ESSO 32, 78

Emotional 37

Experiment 67

F

Further 24

Full 25, 26, 35, 58

Full-time 35, 58,

Fire 56

Fitness 57

Fit 57

Followers 61

Fair 63

Fast-track 17

Field trip 19, 74,

Fixed 50

File 52

G

Gred 6, 13, 23, 43, 45, 46, 47, 70, 76, 80, 81,
86, 89, 93, 94
Genetik 18, 21, 24, 74,
Geologi 25
Google 6, 12, 13, 21, 33, 40, 50, 59, 67, 72,
85, 86, 87, 89
Gardening 58
Game 60
Gamedia 60, 83
Group 61, 67, 68
Gangsa 65
Graph 51

H

Hattrick 34

I

Ijazah Am 19, 25, 26, 74, 76
Inovasi 27, 34, 60, 61, 76, 78
Interview 35, 57
International course 61, 83
Idea 29, 35, 37, 38, 52, 55, 58, 59, 62, 68, 78
ICK 64, 83

J

Jerman 24, 76,
Jurusan 15, 18, 22, 24, 73, 74, 90
Jusa C 8, 10, 12, 25, 31, 45, 47, 76, 77, 80
Join 61
Jepun 61, 62, 83, 94, 99
JPA 24, 76

K

Kementerian 6, 10, 24, 25, 27, 32, 34,
36, 37, 38, 41, 42, 45, 52, 53,
55, 61, 62, 63, 76, 78, 79, 80,
92, 101
Kognitif 6, 28, 29, 34, 35, 37, 38, 41,
43, 48, 59, 60, 77, 78, 81, 82,
93, 98
King 29, 77, 100
Kerajaan 44, 45, 53, 56, 80, 81, 82
Kokurikulum 19, 32, 56, 57, 82, 93,
KSSM 58, 82,
Kuprum 65
Kelenjar limfa 65
Keimunan pasif 65
Kimia 18, 22, 74,
Kepujian 19, 74
Kolokium 20, 75

L

London 29, 77, 100
Lembaga 21, 63, 75, 83
Learning objective 63
Loyang 65
Lecturer 21
Lunch 21, 75

M

Majoriti 17, 21, 25, 35, 42, 44
MRSM 60, 62, 83
Media 60
Major 18
Minor 18
Makkah 48, 81

N

Nazir 37, 38, 40, 79, 80

O

Oksigen 56

OHP 20, 75

Overhead projector 20, 75

On the spot 35

P

Professor 21, 24, 25, 26, 29, 75, 76, 77

Professional 19, 20, 21, 26, 75, 90

PHD 26

Pecutan kognitif 6, 28, 29, 34, 35, 37, 38,
41, 43, 48, 59, 60, 77, 78, 81, 82,
93, 98

Philip Adey 29, 77

Plus 21, 29, 75

Pencen 25, 31, 34, 35, 37, 47, 48, 49, 50,
51, 52, 53, 61, 77

PAK-21 54, 55, 82

Puisi 32, 55, 56, 60, 78, 82

Paragraph 56

PT3 6, 60, 83, 93

Penang 61, 83

PIBG 62

Parents 62

Piuter 65

Plumbum 65

Power 17,

Perform 19

Powerpoint 20, 68

R

Reda 24, 68

Ranking 17, 40, 60

Recsam 61, 83

RTM 63, 64, 83

Result 35, 36

S

Speed 29

Special 19, 31, 40, 48, 49, 64

Saintifik 51, 56, 69

Surau 50, 51, 58, 59, 82

SPB 60

SPM 6, 60, 62, 73, 83, 93, 94

Scattered 62

Serve 62

Serious 37, 48, 49

Spike 39

Short-listed 41

Skill 66

T

Teacher 25

Turkib 55

Team 28, 57, 77

Telegram 61

TV 32, 64

Timah 65,

Triple 34

Terer 36

Test 37

U

University 29, 77, 100

UK 29, 61, 82, 83

UKM 8, 25, 32, 74, 76

Uzur 33

Umrah 40, 48, 80

V

Vaksin 65

Very genuine 35

Very impressive 35

Very applicable 35

Very scientific 51

Y

York 29, 77, 100

You 25, 35, 36, 37, 39, 48

Youtube 40, 50, 51

Z

Zink 65